

**AZMI Arifin**

Universiti Sains Malaysia (USM)

## ***Les Philosophés Kurun Ke-18 di Perancis: Sifat-sifat Reksioner Di Sebalik Bayang Revolusioner***

Philosophés dan aliran Kesedaran dianggap memainkan peranan penting dalam pencetusan Revolusi Perancis 1789. Mereka didakwa memperjuangkan tuntutan yang radikal ke arah persamaan dan demokrasi untuk seluruh rakyat, yang dianggap mencabar prinsip-prinsip kebangsawanan di Perancis. Malah dikatakan tanpa peranan mereka, rakyat Perancis tidak mungkin mempunyai kesedaran politik dan revolusi 1789 tidak mungkin tercetus. Tulisan ini bagaimanapun cuba mempersoal sejauh mana tanggapan yang diberikan itu benar. Apakah peranan sebenar yang dimainkan oleh philosophés dalam revolusi 1789? Benarkah idea-idea dan matlamat perjuangan yang dibawanya adalah radikal dalam konteks budaya politik dan kemasyarakatan Perancis kurun ke-18 itu? Kajian ini mendapati bahawa terdapat bukti-bukti yang kukuh menunjukkan philosophés dan aliran Kesedaran, jauh daripada memperjuangkan prinsip-prinsip demokrasi dan persamaan untuk rakyat, sebenarnya lebih merupakan satu gerakan elitis, konservatif dan reksionaris, yang telah berjuang untuk mempertahankan serta memperkukuhkan lagi institusi kebangsawanan dan pemerintahan beraja di Perancis hinggalah ke era revolusi.

***Katakunci:*** *Philosophés, Revolusi Perancis, Marxis, Reksioner*

*The Philosophés and Enlightenment were thought to play an important role in the French Revolution of 1789. They were claimed to champion radical demands for equality and democracy for the people, thus challenging the prevailing aristocratic order. It was even said that without them, the French would have not achieved political enlightenment and the revolution of 1789 might not had happened. This writing, however, questions the validity of that perception. What were the true roles of the philosophés in the revolution? Were the ideas and goals of the movement radical in the context of politics and culture of France in 18th century? This study discovered that there are solid proofs that shows that, far from championing the principles of democracy and equality for the people, the philosophés was really a movement of elites, conservatives and reactionaries, who fought to defend and further strengthening the institutions of aristocracy and monarchy in France until the revolution.*

***Keywords:*** *Philosophés, France Revolution, Marxist, Revisionist*

## Pengenalan:

Revolusi Perancis 1789 sering dianggap sebagai satu garis sempadan yang memisahkan Eropah lama dan moden. Ia juga dilihat sebagai titik kemuncak kepada kesedaran nasionalisme, gerakan antipemerintahan beraja dan pencapaian gagasan kedaulatan rakyat.

Dalam revolusi itu, para revolusioner telah membawa mesej persamaan, kebebasan dan persaudaraan sebagai tuntutan terhadap cita-cita liberalisme dan demokrasi. Namun cita-cita ke arah itu dipercayai telah ditanam sejak dari awal lagi oleh satu aliran pemikiran yang sedang berkembang di Eropah pada masa itu, yang dikenali sebagai aliran Kesedaran (*Enlightenment*). Di Perancis, idea Kesedaran yang dianggap radikal<sup>1</sup> telah dikaitkan secara langsung dengan pemikiran yang dibawa oleh golongan pemikir-pemulis elit *haute philosophés*, yang didakwa memainkan peranan utama dalam pencetusan Revolusi Perancis 1789.<sup>2</sup>

Apakah kaitannya *philosophés* dengan revolusi 1789? Persoalan ini sering menimbulkan perdebatan dalam kalangan pengkaji. Sesetengah pihak mendakwa *philosophés* telah memainkan peranan penting.<sup>3</sup> Tanpa idea Kesedaran yang disumbangkan oleh golongan itu, dakwa mereka, revolusi 1789 tidak mungkin menjadi kenyataan. Malah dikatakan melalui peranan golongan *men of letters* itulah revolusi dapat direalisasikan dalam pemikiran masyarakat Perancis lama sebelum berlakunya kebangkitan tahun 1789. Mornet misalnya menjelaskan berbanding faktor politik, pemikiranlah yang mempengaruhi pencetusan revolusi 1789<sup>4</sup> manakala Tocqueville pula menegaskan revolusi 1789 telah lama tercapai sekalipun sebelum ia bermula. Ia telah digapai dalam pemikiran para *philosophés* lama sebelum disempurnakan oleh tangan-tangan para revolusioner.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup>Istilah 'radikal' dan 'revolusioner' akan digunakan dalam kajian ini untuk merujuk secara umumnya kepada suatu keinginan atau sikap menentang sistem yang sedia ada, iaitu dalam konteks kesedaran dan pergerakan yang bersifat anti-pemerintahan raja, anti kebangsawanan dan anti-gereja. Kesemua unsur ini, iaitu pemerintahan beraja, kebangsawanan dan agama dianggap sebagai sasaran utama dalam pencetusan Revolusi Perancis yang didakwa dipimpin oleh golongan borjuis yang dipengaruhi oleh idea-idea Kesedaran.

<sup>2</sup>*Philosophés* Perancis dalam makna kurun ke-18 tidak sama dengan perkataan Inggeris, *philosophy*. Dalam kajian ini, ia merujuk golongan penulis atau pemikir yang terlibat secara aktif dalam gerakan Kesedaran (*Enlightenment*). Gerakan Kesedaran itu sendiri sukar ditakrifkan secara tepat. Bagaimanapun ia sering dikaitkan dengan satu bentuk pergerakan yang diasaskan oleh semangat untuk membebaskan akal manusia daripada kongkongan pemikiran lama yang konservatif, dan kepercayaan kepada sains yang meletakkan akal dan kebebasan berfikir sebagai penentu segala keputusan. 'Manusia adalah pengukur segala sesuatu' adalah tema utama golongan itu. Aliran Kesedaran juga sering dikaitkan dengan beberapa pemikir terkenal seperti J.J. Rousseau, Voltaire, Montesquieu dan para *Encyclopediste*. Ira O. Wade, *Some Attempts at Definition*. Dalam *The Intellectual Origins*, Princeton: PUP, 1971, hlm. 15-27.

<sup>3</sup>Daniel, Mornet. *Les origines intellectuelles de la Revolution francaise 1715-1787*, Paris: Arman Colin, 1933.

<sup>4</sup>Daniel Mornet misalnya, walaupun tak menolak kepentingan sebab-sebab lain khususnya sebab politik, namun menegaskan pemikiran Kesedaran, sama ada dalam aspek kritikal mahupun pembaharuannya, sebagai asas paling utama kepada penghujung krisis regim lama yang menggerakkan kepada pencetusan Revolusi Perancis. Menurutnya, "Sebab politik adalah tidak ragu-ragu lagi tidak mencukupi untuk menjelaskan revolusi (1789)...Ia adalah kebijaksanaan yang menimbulkan dan menyusun kesan-kesannya (revolusi). *Ibid.*, hlm. 3.

<sup>5</sup>Alexis de. Tocqueville, Dalam Robert R. Palmer. *The Age of Democratic Revolution*. Princeton: 1959, hlm. 22.

Pandangan ini amat dipersetujui oleh para pengkaji aliran Marxist. Soboul misalnya berpendapat idea Kesedaran yang dibawa oleh para *philosophés* adalah mewakili kehendak golongan borjuis yang memainkan peranan penting menggerakkan revolusi.<sup>6</sup> Beliau menjelaskan bahawa pada era revolusi,

“...ekonomi feodal telah diruntuhkan oleh perkembangan kapitalisme: keseimbangan sosial tradisional telah dipecahkan oleh kelahiran kaum borjuis: dan idea kesedaran *philosophés*, yang berasaskan logik akal pemikiran, dengan terang-terangan menyerang segala asas keburukan [regim lama] itu.”<sup>7</sup>

Oleh itu, tidak hairanlah ada sarjana yang menyimpulkan bahawa idea atau pemikiran Kesedaran yang dipelopori oleh golongan *philosophés* di Perancis adalah sesuatu yang bersifat revolusioner, bahkan dari segenap segi. Semasa merumuskan tentang keradikalan pemikiran Kesedaran inilah Qasim Ahmad menyebut:

“Tidaklah keterlaluan, rasanya, kalau ditegaskan bahawa pemikiran Kesedaran, secara umumnya, memang mempunyai asas revolusioner, para aktivisnya pun bergerak secara revolusioner dan idea itu sendiri telah turut mengakibatkan suatu rangkaian peristiwa yang revolusioner. Implikasinya berbagai-bagai.”<sup>8</sup>

Walaupun bagaimanapun, terdapat pengkaji yang menolak pendapat-pendapat di atas. Walaupun daripada satu segi mereka tidaklah menafikan sepenuhnya peranan yang mungkin telah dimainkan oleh golongan *philosophés*, tetapi sarjana ini lebih cenderung menganggap sumbangannya sebagai ‘amat terhad’.<sup>9</sup>

Pada kaca mata para pengkaji ini, golongan bawahan yang ditindas dan kelaparan tidak memerlukan suatu idealisme yang jelas untuk bangkit menyatakan kemarahan. Mereka juga mendakwa jika tiada golongan Kesedaran yang menyeru kepada pembaharuan, rakyat yang menghadapi kebuluran dan kesusahan hidup tetap akan bangkit dan revolusi tetap akan tercetus kerana kebencian mereka sudah tidak dapat dibendung lagi. Namun persoalannya sejauh manakah pula pandangan ini dapat menerangkan dengan kukuh tentang sebab-musabab yang mendorong kepada berlakunya ketidakpuasan hati dan akhirnya kebangkitan rakyat pada 1789 itu?

Persoalan ini bukanlah baru, tetapi dengan terdapatnya beberapa kelemahan dari segi pentafsiran terhadap sejarah Revolusi Perancis itu sendiri, pelbagai pihak kadangkala hanya cuba memberi pendapat berasaskan aliran atau perspektif tertentu yang sempit sahaja. Kajian ini cuba membincangkan semula tentang kaitan dan peranan golongan *philosophés* di Perancis terhadap peristiwa pencetusan revolusi 1789 itu. Melalui perbincangan ini, kita berharap menemui jawapan yang lebih kukuh terhadap persoalan

---

<sup>6</sup> Soboul. Dalam Keith M. Baker. *Enlightenment and Revolution in France: Old Problems Renewed Approaches*. Journal of modern history 53 (2), 1981.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hlm. 21.

<sup>8</sup> Qasim Ahmad. *Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner*. Dlm *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 82.

<sup>9</sup> Alfred. Cobban. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape, 1968, hlm. 22 dan Donald. Sutherland. *France 1789-1815: Revolution and Counterrevolution*. Oxford: Oxford University Press, 1986, hlm. 35.

sama ada peranan yang dimainkan oleh golongan *philosophés* Perancis kurun ke-18 adalah sesuatu yang bersifat revolusioner dan sejauhmana keradikalan pergerakan itulah yang telah mempengaruhi kepada pencetusan Revolusi Perancis seperti yang sering didakwa ataupun sebaliknya.

### **Beberapa Aliran:**

Bagi menentukan kaitan antara peranan *philosophés* dengan pencetusan Revolusi Perancis 1789, kita haruslah memberi tumpuan kepada dua cabang pendapat atau pentafsiran utama. Cabang pertama melihat peranan yang dibawa oleh *philosophés* dan aliran Kesedaran sebagai faktor penting, dan dalam sesetengah keadaan, menterjemahkannya sebagai faktor paling utama yang menggerakkan revolusi. Bagaimanapun golongan ini umumnya melihat peranan itu dari perspektif yang negatif. Mereka menganggap revolusi sebagai satu gejala buruk, satu bentuk keganasan yang digerakkan oleh anasir-anasir jahat dan subversif. Mereka menyalahkan *philosophés* sebagai agen-agen asing yang mencipta para anarkis, deist, ateis, malah mencemuhnya sebagai 'syaitan-syaitan besar' yang ingin mewujudkan kekacauan dan menghasut pemikiran rakyat bawahan menjadi golongan fanatik sehingga membibitkan revolusi.

Pandangan seperti ini dikemukakan khususnya oleh golongan penulis konservatif, pemikir Katolik yang antirevolusi dan para pendokong regim lama. Antaranya termasuklah individu-individu seperti Edmund Burke, Abbe Barruel, Joseph de Maistre dan Hippolyte Taine. Terdapat tiga asas utama yang dikemukakan sebagai hujah oleh golongan ini. Pertama, mereka mendakwa revolusi adalah satu gejala yang bersifat anti Perancis. Ia dikaitkan dengan anasir-anasir asing yang ingin menyesatkan golongan sederhana di Perancis serta mengekang kepatuhan terhadap pemerintahan regim lama. Ia dibawa oleh tokoh-tokoh luar yang meracuni pemikiran masyarakat tempatan, seperti 'si Inggeris' John Locke dan 'si Swiss' Jean Rousseau.<sup>10</sup> Kedua, pemikiran korup yang disuntik oleh golongan itu telah disebarkan ke dalam masyarakat Perancis oleh golongan penyangak subversif (*subversive faction*), yang terdiri daripada kelab-kelab pemikir *Societes de Pensée* dan para konspirator intelektual bawah tanah seperti gerakan *Freemason* dan *philosophés* sendiri. Ketiga, idea revolusioner totok yang dibawa oleh mereka dikatakan memisahkan manusia dari realiti kehidupan zaman lampau, mendesak kepada pengambilan apa sahaja pemikiran kacau manusia sebagai undang-undang sejagat yang baru tanpa mempedulikan tradisi yang telah lama disemat dan membentuk kekukuhan ikatan masyarakat.<sup>11</sup> Antara yang terawal mencemuh idea Kesedaran ialah pemikir konservatif Inggeris, Edmund Burke (1729-1797). Burke mengutuk pemikiran baru yang dibawa oleh golongan *philosophés* sebagai antitradisional, bersifat spekulatif dan para revolusioner sebagai puak fanatik yang berkepentingan diri (*self-interested fanatics*), yang sembrono sahaja merosakkan institusi kehidupan masyarakat Perancis yang masih elok dan kemudiannya mencipta perlembagaan baru yang dianggapnya tidak akan dapat dikekalkan. Beliau juga

---

<sup>10</sup> Henri, Peyre. *The Influence of Eighteenth Century Ideas on the French Revolution*. Dlm *The Shaping of Modern Europe*. London: Collier-Macmillan Press, 1969, hlm. 59.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm 59.

mencemuh prinsip-prinsip revolusi yang dipercayainya akan membawa keruntuhan kepada Perancis, bahkan menjangka revolusi itu bakal melahirkan pemerintahan tirani.<sup>12</sup>

Seorang lagi penulis yang bersikap amat kritikal terhadap idea Kesedaran dan revolusi ialah Hippolyte Adolphe Taine (1828-1893). Taine yang menulis selepas peristiwa kekalahan mengejut tentera Perancis kepada Prussia dalam Perang Franco-Prussia 1871, cuba mencari punca-punca sebenar yang menyebabkan kekalahan memalukan negaranya itu. Setelah mengoreksi apa yang dilihatnya sebagai ‘sesuatu yang tidak betul’ dalam perjalanan sejarah bangsanya, beliau mendapati idea-idea Kesedaran kurun ke-18 itulah yang menjadi penyebab utama kelemahan negara-bangsa Perancis.

Bagi Taine, idea Kesedaran umpama racun yang berlapikkan rasionalisme dan pemikiran saintifik. Ia mencipta manusia ego yang merasakan dirinya sangat bijak dan bebas sehingga tidak mahu lagi menghormati tradisi, undang-undang, institusi, moral dan agama serta menggalakkan pemikiran-pemikiran dungu dan keyakinan-keyakinan sesat terhadap proses alam semula jadi.<sup>13</sup> Pemikiran Kesedaran mengajar nilai-nilai terpesong, menggalakkan keganasan dan membentuk lompong-lompong besar kepada jalan menuju despotisme serta kebangkrupan regim-regim Perancis selepas itu. Tegasnya, bagi Taine, apa yang meruntuhkan Perancis pada masa hadapannya adalah kesesatan yang telah diajar oleh golongan *philosophés* pada zaman lampau. Pandangan ‘klasik’ Taine ini mempunyai pengaruh yang agak besar juga dalam kalangan ahli politik dan penulis nasionalis Perancis selepasnya.

Bertentangan pula dengan pemikiran-pemikiran di atas ialah hujah-hujah yang dikemukakan oleh para pengkaji dari cabang kedua. Mereka terdiri daripada sesetengah pendokong revolusi itu sendiri dan juga pemikir-pemulis Perancis yang berfahaman liberal. Antaranya termasuklah tokoh-tokoh semasa revolusi, misalnya Condorcet, hinggalah penulis-penulis selepas revolusi seperti Lamartine, Jules Michelet, Alphonse Aulard, Augustin Cochin, Pierre Gaxotte, Daniel Mornet, Marius Roustan dan seterusnya Henri Peyre.

Jika aliran pertama memperlihatkan revolusi sebagai satu keganasan, aliran kedua pula memperlihatkannya sebagai satu gejala yang sangat baik. Mereka menganggap revolusi sebagai suatu perubahan bersejarah yang berjaya menghapuskan pemerintahan regim lama yang despotik dan ‘feudal’. Mereka mendakwa revolusi 1789 itu bukanlah digerakkan oleh golongan fanatik, subversif atau para konspirator yang ingin menanam benih-benih pemikiran yang jahat, tetapi sebaliknya oleh golongan berkesedaran yang diinspirasi oleh prinsip-prinsip kerasionalan, kebebasan dan demokrasi.<sup>14</sup> Mereka juga menegaskan pengaruh pemikiran radikal yang dibawa oleh golongan Kesedaranlah yang menjadi faktor paling utama yang telah menggerakkan Revolusi Perancis 1789.<sup>15</sup>

<sup>12</sup> Burke. Dalam Far W. Church. *The Influence of the Enlightenment on the French Revolution*. Lexington, Massachusetts: D.C. Heath & Co, 1964, hlm. ix.

<sup>13</sup> Taine. Dalam Far W. Church. *The Influence of the Enlightenment on the French Revolution*. Lexington, Massachusetts: D.C. Heath & Co, 1964, hlm. x.

<sup>14</sup> Far W. Church. *The Influence of the Enlightenment on the French Revolution*. Lexington, Massachusetts: D.C. Heath & Co, 1964, hlm. ix.

<sup>15</sup> Ahli sejarah revisionist dan pasca-revisionist mengambil pendekatan yang berbeza-beza tentang pensejarahan Revolusi Perancis dan kaitannya dengan peranan borjuis-Kesedaran seperti yang dikemukakan oleh Marxist.. Bagaimanapun umumnya ramai yang mengkritik dakwaan Marxist yang mengaitkan Revolusi dengan gerakan Kesedaran, antaranya ialah Cobban (1968), Behrens (1985)

Aliran ini menjelaskan bahawa golongan berkesedaran yang mempelopori pemikiran rasionalisme itu amat menekankan soal keupayaan akal manusia untuk bebas daripada segala kongkongan dan mencetuskan semangat empirisme yang amat bercanggah dengan tradisi masyarakat tradisional sebelumnya. Atas keyakinan sedemikianlah, pelopor-pelopor aliran Kesedaran dikatakan telah menggalakkan golongan rakyat mempersoalkan asas-asas sosial dan sistem perundangan yang sedia wujud dalam masyarakat Perancis, yang dianggap kolot, dan menolak kekangan ideologi politik lama mahupun institusi agama yang membawa kepada kemunduran dan ketidakadilan. Para pengkaji di atas juga menghujahkan bahawa jalan revolusi telah dicipta oleh ahli pemikir yang memperjuangkan prinsip-prinsip persamaan dan kebebasan, lalu disempurnakan oleh tangan-tangan para revolusioner yang membawa obor cita-cita mulia bagi menyebarkan pemikiran moden dalam masyarakat Perancis.

Justeru itu, Lamartine menegaskan Revolusi 1789 hanya dapat dicapai apabila terciptanya alat-alat percetakan moden, yang membolehkan lahirnya satu bentuk pemikiran atau pandangan umum (*opinion publique*) dalam kalangan rakyat Perancis. Pada pendapat Lamartine, idea Kesedaran itu adalah seumpama satu kod kebebasan awam dan agama yang dapat direalisasikan oleh kebangkitan golongan rakyat melalui revolusi.<sup>16</sup> Michelet pula menjelaskan pengaruh Kesedaran dengan memberi satu kiasan ringkas. Menurutnya, “Apabila dua orang lelaki ini [Voltaire dan Rousseau] menetapkan idea-ideanya, maka revolusi telah pun tercapai dalam pemikiran [orang Perancis] dengan sejelas-jelasnya.”<sup>17</sup>

Pandangan kedua-dua aliran di atas telah diperkukuhkan lagi sejak awal kurun ke-20 dengan munculnya pengkaji sejarah yang mula mengkaji perkembangan Revolusi Perancis daripada sudut pandangan Marxist. Penulis-penulis Marxist dari Jean Jaurés dan Albert Mathiez hinggalah Lucien Goldman dan Albert Soboul telah memberi pengiktirafan besar kepada peranan yang telah dimainkan oleh golongan Kesedaran sebagai satu kuasa politik yang amat berpengaruh sebelum mahupun selepas revolusi.

Secara umumnya, para pengkaji aliran Marxist mengaitkan peranan *philosophés* dan idea Kesedaran dengan perjuangan golongan borjuis. Goldman misalnya mengatakan “Dalam perspektif sejarah sosial, aliran Kesedaran merupakan tahap yang terpenting dalam perkembangan pemikiran borjuis di Barat.”<sup>18</sup> Goldman juga menganggap idea-idea utama yang diperjuangkan oleh aliran Kesedaran sebagai seiring dengan prinsip-prinsip ekonomi yang telah melahirkan golongan borjuis. Menurutnya, kategori pemikiran utama yang diperlukan dalam sesebuah masyarakat yang berasaskan pertukaran adalah individualisme, kontrak, persamaan, kesejagatan, toleransi, kebebasan dan pemilikan harta. Dari sudut ini, tegas beliau, “Sesiapapun yang mengenali [sifat-sifat] Perancis kurun ke-18 itu akan melihat bahawa senarai ini adalah sepadan dengan asas-

---

Blanning (1987) dan Sole (1988). Buku oleh Sole ini dialih bahasa oleh Shelley Temchin (1989) daripada tulisannya yang asal dalam bahasa Perancis yang telah diterbitkan setahun sebelumnya.

<sup>16</sup> Lamartine. Dalam Alfred. Cobban. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape, 1968, hlm. 22 dan Donald. Sutherland. *France 1789-1815: Revolution and Counterrevolution*. Oxford: Oxford University Press, 1986, hlm 19.

<sup>17</sup> Michelet. Dalam Alfred. Cobban. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape, 1968, hlm. 22 dan Donald. Sutherland. *France 1789-1815: Revolution and Counterrevolution*. Oxford: Oxford University Press, 1986, hlm, 19.

<sup>18</sup> Goldman. Dalam T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education, hlm, 18-19.

asas kategori yang berkembang dalam pemikiran aliran Kesedaran.”<sup>19</sup> Sarjana Marxist juga cuba melihat kemelut yang berlaku di Perancis kurun ke-18 itu dalam konteks pertembungan kelas ekonomi, iaitu pertentangan antara golongan kapitalis borjuis dengan golongan ‘aristokrat feudal’. Dari sudut ini, sesetengah pengkaji Marxist yang berpandangan ketat cuba memberikan gambaran seolah-olah tanpa peranan yang dimainkan oleh golongan *philosophés*, maka tidak akan wujudlah kesedaran kelas borjuis dan kapitalisme serta tidak akan terciptalah revolusi yang menghapuskan amalan ‘feudalisme’ itu. Ini kerana mereka percaya apa yang diajar oleh *philosophés* dan idea Kesedaran itu adalah punca utama yang mencetuskan kesedaran golongan borjuis dan seterusnya menggerakkan perubahan-perubahan besar dalam perkembangan sejarah politik Perancis sejak kurun ke-18. Pandangan aliran ini menguasai sebahagian besar pengkajian tentang sejarah Revolusi Perancis sejak awal kurun ke-20, hinggalah ia mula dicabar oleh kemunculan beberapa aliran pengkajian baru sejak sekitar tahun 1960-an.

Pandangan yang dikemukakan khususnya oleh para pengkaji sejarah aliran revisionis selepasnya mengkritik kecenderungan sesetengah pihak yang terlalu memperbesar-besarkan peranan golongan Kesedaran dalam pencetusan revolusi,<sup>20</sup> dan dengan itu seolah-olah meremehkan pula peranan yang dimainkan oleh unsur-unsur lain yang jauh lebih penting. Beberapa kajian mutakhir yang dihasilkan telah mendapati dari segi pendekatan dan pemikiran, idea-idea Kesedaran yang dibawa oleh para *philosophés* sebenarnya tidaklah revolusioner sangat,<sup>21</sup> bahkan lebih bersifat ‘reaksioner’ walaupun jika diukur dalam konteks pencapaian semasa pemerintahan regim lama pada kurun ke-18 itu.<sup>22</sup> Bahkan terdapat juga kajian yang menyarankan bahawa semasa era revolusi, hanya sebahagian kecil golongan elit dan *Parisian* yang terpengaruh dengan idea-idea Kesedaran. Sebaliknya sebahagian besar rakyat bawahan yang rata-ratanya buta huruf masih mempunyai syak wasangka yang menebal terhadap golongan elit dan mereka juga masih diikat kuat dengan tradisi agama dan nilai-nilai tradisional.<sup>23</sup>

Oleh sebab itu, sesetengah sarjana bukan sahaja menolak dakwaan yang mengaitkan Revolusi Perancis dengan peranan yang dimainkan oleh *philosophés*, bahkan

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm: 18-19.

<sup>20</sup> Kajian-kajian terbaru ini juga memperlihatkan bagaimana dari segi pendidikan khususnya, golongan bawahan dan petani miskin Perancis kerana tidak ingin mewujudkan ‘kekacauan’ atau ‘gangguan’ terhadap sistem sosial regim lama yang sedia ada. Lihat antaranya kajian yang dikemukakan oleh Harvey Chissick, 1981. *The Limits of Reform in the Enlightenment: Attitudes toward the Education of the Lower Classes in Eighteenth-Century France*. Princeton: Princeton University Press. 1981 dan Wyngaard, Amy S. 2004. *From Savage to Citizen: The Invention of the Peasants in the French Enlightenment*. Newark: University of Delaware Press.

<sup>21</sup> Masyarakat Perancis pada kurun ke-18 bukan sahaja dikatakan telah bebas daripada kongkongan amalan dan penindasan ‘sistem feudal’, bahkan mencapai sebuah masyarakat moden. Dasar-dasar yang dibawa oleh regim lama telah mewujudkan pembaharuan-pembaharuan sosial, politik dan ekonomi yang dikatakan telahpun mendahului seruan-seruan perubahan dan idea-idea yang digerakkan oleh gerakan Kesedaran. Tentang proses pemodenan regim lama inidan kesan-kesannya terhadap masyarakat. Lihat Azmi Arifin. 2000. Bangsa, Pemerintahan Beraja dan Revolusi Perancis 1789. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 7: 44-63 dan Azmi Arifin. 2003. Feudalisme dan Pencetusan Revolusi Perancis 1789. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 10: 1-30.

<sup>22</sup> Tentang prinsip-prinsip yang dipegang oleh mereka, lihat Cranston (1986). Antara ketiga-tiga tokoh itu, Rousseaulah dianggap tokoh Kesedaran yang paling penting. Tentang Rousseau dan pemikirannya. Lihat Joan, McDonald. *Rousseau and the French Revolution 1762-1791*. London: The Athlone Press. 1965.

<sup>23</sup> Sole, Jaccques. *Questions of the French Revolution: A Historical Overview*. (Terj.). New York: Pantheon Books, 1989. hlm, 13.

mereka juga menekankan bahawa faktor-faktor lain iaitu politik dan sosial adalah jauh lebih mustahak dalam menggerakkan semangat revolusi. Cobban, yang menghasilkan satu kritikan tajam terhadap pandangan yang membesar-besarkan peranan *philosophés* dalam bukunya *Aspects of the French Revolution* (1968), menegaskan sekalipun idea Kesedaran itu wujud, tetapi ia tidak harus diketengahkan sebagai satu faktor utama yang memainkan peranan menggerakkan kesedaran revolusioner. Menurut beliau, penekanan kepada sesuatu yang bersifat tidak jelas seperti idea Kesedaran menyebabkan tafsiran terhadap unsur-unsur yang berada di luar garis kerasionalan, misalnya tindak balas serta merta para petani dan golongan susah yang kelaparan, seolah-olah menjadi faktor sampingan kepada ahli sejarah. Nampaknya Cobban, walaupun tidak menafikan sama sekali kewujudan dan pengaruh tertentu aliran itu terhadap masyarakat, namun menganggap peranannya tidaklah begitu penting dan boleh dipersoalkan. Cobban percaya kalaulah watak-watak ahli falsafah itu tidak disebutkan langsung dalam buku sejarah, mungkin tiada siapa pun yang akan mengungkit tentang ketidakwujudan watak-watak sampingan itu.

Justeru itu, bolehlah dikatakan bahawa isu besar yang mencetuskan perbalahan ahli sejarah sebenarnya bukan hanya bersabit persoalan sama ada wujud atau tidak peranan *philosophés* atau aliran Kesedaran, tetapi juga tentang sejauh mana peranannya dalam mencetuskan revolusi. Untuk mengulas isu ini, kita perlulah meneliti pengaruh atau kesan-kesan idea Kesedaran semasa revolusi terhadap masyarakat Perancis. Hal ini bolehlah diamati sekurang-kurangnya daripada dua sudut yang boleh dianggap paling asas, iaitu matlamat dan implikasi sebenar ajaran tersebut atau pergerakannya.

### **Prinsip dan Pendekatan:**

Bagi mengenalpasti pengaruh idea Kesedaran terhadap masyarakat Perancis amnya, dan kesannya terhadap pencetusan Revolusi Perancis khasnya, kita hendaklah terlebih dahulu memahami maksud aliran Kesedaran dan prinsip-prinsip serta pendekatan pergerakannya.

Sebenarnya aliran Kesedaran sukar ditakrifkan secara ringkas dan tepat. Namun ia sering ditafsirkan sebagai satu bentuk pemikiran baru yang bertunjangkan semangat dan keinginan untuk membebaskan akal manusia daripada kongkongan pemikiran lama yang didakwa sebagai kolot atau ketinggalan zaman. Pemikir-pemikir yang mempelopori aliran ini pula sering diperlihatkan sebagai angkatan penulis yang begitu yakin terhadap keupayaan manusia untuk menemui hukum atau peraturan sejagat yang boleh membawa kepada kesempurnaan seluruh hidup manusia dengan menggunakan akal fikiran dan kaedah empirical.<sup>24</sup> Terdapat sekurang-kurangnya lima prinsip utama yang terkandung dalam jiwa perubahan atau *esprit philosophique* yang diperjuangkan oleh penulis aliran Kesedaran. Prinsip-prinsip tersebut ialah rasionalisme, kebebasan berfikir, skeptisisme, ketidakpercayaan, terutamanya terhadap agama dan nilai-nilai lama, dan kebergantungan kepada sains, yang meletakkan akal, kewarasan dan kebebasan berfikir manusia sebagai penentu bagi segala keputusan. Wade (1971) sewaktu menjelaskan tentang falsafah aliran itu mengatakan aliran Kesedaran diidentifikasikan dengan skala kemajuan

---

<sup>24</sup> Qasim Ahmad. *Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner*. Dalam *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991, hlm, 73.



intelektualisme, yang memimpin ke arah penegasan terhadap tahap kematangan, penyingkiran unsur-unsur prasangka dan pencarian terhadap nilai-nilai kesempurnaan dan kebebasan. Kebebasan, menurutnya, menjadi ilham yang teguh kepada pemikiran yang bebas, yang dapat memerdekakan manusia daripada sebarang ikatan serta mengekalkan sifat-sifat kesejatan dan kemuliaan dirinya.<sup>25</sup> Seorang filosof Barat yang terkenal, Immanuel Kant dalam tulisannya “What is Enlightenment?” (1784) juga pernah memberikan penjelasan yang agak menarik tentang prinsip utama yang dipegang oleh aliran Kesedaran itu. Menurutny;

*“Enlightenment is the liberation of man from his self-caused state of minority. Minority is the incapacity of using one’s understanding without the direction of another. This state of minority is self-caused when its source lies not in a lack of understanding, but in a lack of determination and courage and to use it without the assistance of another. Sapere aude! Dare to use your own understanding! is thus the motto of Enlightenment.”*<sup>26</sup>

Walaupun asas perkembangan idea Kesedaran itu sendiri cuba disusurgalurkan wujud di beberapa negara Eropah sejak dari kurun ke-17 lagi, iaitu dengan merebaknya pemikiran tentang teori-teori sains tulen sebagai anjakan kepada perubahan paradigma dan revolusi intelektual, namun sebagai satu bentuk ajaran dan gerakan baru aliran Kesedaran hanya muncul dengan jelas di Perancis sejak kurun ke-18, apabila teori-teori sains tulen mula digunakan secara terbuka untuk menjelaskan tentang hukum sains sosial atau kemasyarakatan pula. Dari sudut ini, peranan Perancis sebagai pusat gerakan dan penyebarannya ke seluruh Eropah, yang melampaui fungsi serta kepesatan negara-negara pelopor aliran Kesedaran yang lain seperti Jerman dan Britain, adalah dipengaruhi oleh perkembangan luas penggunaan bahasa dan pengaruh kebudayaan Perancis di serata Eropah pada masa itu.

Walau bagaimanapun, perlulah dijelaskan bahawa kelahiran idea-idea Kesedaran itu bukanlah ditandakan berasaskan hasil-hasil penulisan dan perkembangan ideologi yang tertentu, tetapi sering dikaitkan dengan pemikiran yang dibawa oleh beberapa orang tokohnya yang terkenal, khususnya tiga pemikir utama iaitu Montesquieu, Voltaire dan Rousseau. Ketiga-tiga tokoh ini telah diangkat sebagai pelopor agung aliran Kesedaran kerana mereka didakwa memperjuangkan prinsip-prinsip kebebasan manusia baru yang amat bercanggah dengan prinsip-prinsip pemerintahan beraja atau kebangsawanan yang dipegang oleh masyarakat pada zaman mereka.<sup>27</sup> Malah idea-idea yang dimuatkan dalam tulisan mereka dikatakan telah diperguna dengan begitu berkesan khususnya oleh golongan berkesedaran sebagai landasan bagi mencetuskan api perubahan dan akhirnya menjuruskan rakyat bawahan kepada kebangkitan revolusioner.

Pada asasnya ahli sejarah sering menghujahkan bahawa pemikiran yang dibawa oleh ketiga-tiga tokoh aliran Kesedaran tersebut adalah bersifat radikal atau revolusioner

<sup>25</sup> Ira O. Wade, Some Attempts at Definition. Dlm *The Intellectual Origins of the French Enlightenment*. Princeton: Princeton University Press, hlm, 15-27.

<sup>26</sup> Kant. Dalam Cassirer Cassirer, Ernst. Enlightenment. *Encyclopaedia of the Social Sciences* 5: 547-552, 1932, hlm, 457.

<sup>27</sup> Pandangan aliran Marxist ini telah dikritik dengan jelas. Lihat Blanning, T.C.W. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 19.

berdasarkan tiga aspek.<sup>28</sup> Pertamanya, mereka menekankan prinsip manusia sebagai kuasa yang dapat menentu serta mengawal hukum alam dan sebab akibat. Ini bermakna mereka tidak lagi percaya atau bergantung hanya kepada nasib, takdir atau kuasa Tuhan. Sudah tentulah prinsip ini bertentangan dengan prinsip sebelumnya yang cuba diterapkan khususnya oleh institusi agama, yang menetapkan bahawa setiap manusia itu disusun dan dibahagikan mengikut fungsi dan darjat keturunan yang ketat. Sebaliknya golongan Kesedaran percaya hanya kebolehan dan keupayaan akal manusia itu sendirilah yang dapat menentukan status atau kedudukan seseorang individu. Oleh itu, mereka menolak pembahagian masyarakat secara tradisional yang berdasarkan kelas atau ukuran pangkat kebangsawanan, sebaliknya menekankan perbezaan yang berdasarkan kepada kebolehan akal dan intelektualisme.

Kedua, mereka juga memperjuangkan prinsip kebebasan manusia dalam membuat segala keputusan. Oleh kerana takdir manusia itu dikatakan hanya dapat ditentukan oleh pilihan individu itu sendiri, maka mereka percaya setiap orang haruslah diberi kebebasan untuk memilih apa jua yang sepatutnya bagi dirinya tanpa perlu diatur oleh orang lain. Malah dalam hal ini, mereka percaya Tuhan sendiri pun tidak berkuasa atau berkelayakan bagi menentukan suratan yang dipilih oleh seseorang manusia.<sup>29</sup> Hal-hal di atas menjurus pula kepada tumbuhnya prinsip ketiga, iaitu ketidakpercayaan kepada sebarang bentuk kongkongan politik, agama mahupun nilai-nilai tradisi. Bagi golongan Kesedaran yang memperjuangkan prinsip persamaan dan kebebasan, segala bentuk kongkongan terhadap manusia akan dianggap satu bentuk diskriminasi atau ketidakadilan. Dari segi politik, aliran Kesedaran memperjuangkan hak rakyat awam sebagai golongan yang perlu diberi kebebasan untuk memilih pemerintah, tetapi pada masa yang sama mereka juga haruslah dipimpin oleh golongan berkesedaran yang memperjuangkan hak bersama atau Hasrat Umum.

Walaupun pada prinsipnya, idea-idea liberalisme dan demokrasi yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh aliran Kesedaran itu bukanlah melalui jalan kekerasan tetapi dengan cara lembut dan intelektual, namun pengaruhnya kepada kesedaran masyarakat didakwa amat tinggi, sehingga dianggap mampu memuncakkan daya penentangan terhadap nilai-nilai tradisi seperti agama, unsur kebangsawanan dan sistem pemerintahan beraja yang dinggap lapuk. Pendek kata, berdasarkan prinsip-prinsip yang dianggap menongkah arus itulah yang mendorong golongan Kesedaran bukan sahaja dianggap pembina kesedaran yang radikal dalam kalangan rakyat bawahan bahkan mempengaruhi rakyat untuk mempersoalkan sistem pemerintahan lama hingga menggerakkan kepada pencetusan Revolusi Perancis.

Persoalan tentang pengaruh dan peranan yang dimainkan oleh aliran Kesedaran terhadap kebangkitan revolusi 1789 sering menimbulkan percanggahan pendapat. Di sebalik hujahan yang menyokong, hujah-hujah sarjana yang menolak peranan dan kesan pemikiran Kesedaran terhadap revolusi juga adalah kukuh dan munasabah hingga membibitkan rasa keraguan yang sepatutnya terhadap rumusan-rumusan pengkaji sebelum ini. Bagi yang menolaknya, mereka telah menyenaraikan pelbagai sebab serta bukti yang dapat menjawab persoalan adakah idea-idea yang dikembangkan oleh tokoh-

---

<sup>28</sup> Peyre, Henri. 1969. *The Influence of Eighteenth Century Ideas on the French Revolution*. Dalam *The Shaping of Modern Europe*. London: Collier-Macmillan Press. 1969, hlm, 61-62.

<sup>29</sup> Qasim Ahmad. *Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner*. Dlm *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991, hlm, 70.

tokoh aliran Kesedaran itu benar-benar radikal dalam konteks masyarakat Perancis kurun ke-18 itu, dan apakah idea-idea revolusioner itulah yang menjadi punca utama yang telah mempengaruhi penentangan rakyat terhadap regim lama seterusnya kebangkitan rakyat dalam revolusi 1789?

### (i) Ketokohan

Aspek pertama yang digunakan sebagai hujah oleh para pengkaji untuk mempersoalkan pertalian antara *philosophés* dan aliran Kesedaran dengan pencetusan Revolusi Perancis ialah dari segi ketokohan dalam gerakan Kesedaran.<sup>30</sup> Sebenarnya dari segi ketokohan, tiada hubungkait yang jelas antara pemikiran tokoh-tokoh aliran Kesedaran dengan pencetusan revolusi. Malah penyeluruhan yang dibuat oleh sesetengah pengkaji sebelum ini tidaklah menggambarkan hakikat yang sebenarnya. Misalnya percubaan Soboul dan Goldman mentakrif kepimpinan aliran Kesedaran sebagai satu bentuk kepimpinan atau perjuangan kelas borjuis sepenuhnya sesungguhnya bermasalah dan boleh dipertikaikan.<sup>31</sup>

Ahli sejarah menggunakan hujah bahawa para pemikir aliran Kesedaran tidak mempunyai satu identiti sosial yang jelas untuk menafikan pendapat Goldman. Menurut Blanning (1987), mereka bukanlah mewakili satu kelas sahaja, tetapi semua golongan atau kumpulan masyarakat yang elitis dan terpisah daripada masyarakat bawahan. Malah ramai juga dalam kalangan mereka yang berasal daripada keturunan bangsawan. Misalnya pemikir-pemikir seperti Montesquieu dan juga tokoh-tokoh *philosophés* Perancis seperti d'Antraigues, Abbe Mably, Jaucourt, Condorcet, Condillac, Vauvenargues, Buffon, Helvetius, Lavoisier, Quesnay, Turgot dan Mirabeau adalah berasal dari kelas bangsawan<sup>32</sup> manakala yang selebihnya meskipun berasal daripada golongan borjuis, tetapi telah menukar identiti dengan membeli pangkat atau gelaran bangsawan sehingga melahirkan nama-nama seperti d'Alembert dan La Fayette.

Bahkan aliran baru yang selalu dikaitkan dengan golongan ateis serta sekular itu turut diperjuangkan oleh ahli gereja dan paderi kelas bangsawan. Antaranya yang terkenal termasuklah Boisgelin, ketua uskup dari Aix dan Lomenie de Brienne, ketua uskup dari Sens. Penyumbang utama kepada satu-satunya karya terpenting aliran Kesedaran di Perancis iaitu *L'Encyclopédie* adalah terdiri daripada kaum bangsawan dan golongan paderi atasan. Jadi dengan corak identiti sosial yang sedemikian, tidak hairanlah jika ramai ahli sejarah akhirnya terpaksa mengakui bahawa aliran Kesedaran

<sup>30</sup> T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 19-21.

<sup>31</sup> "...from at least the 1730-an, admission to salons was being based more on merit than rank, and progressive nobles – Montesquieu, for example – were engaging freely in social and intellectual intercourse with commoners." Lihat T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 21. Tentang aktiviti di salon dan kepentingannya dari sudut politik dan ekonomi bagi golongan elitis ini lihat Chartier, Roger. 1990. *The Cultural Origins of the French Revolution*. Terj. Lydia G. Cochrane. Durham and London: Duke University Press, 1991, hlm, 156-157.

<sup>32</sup> T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 19.

tidaklah mempunyai satu doktrin atau prinsip perjuangan yang cukup jelas.<sup>33</sup> Menurut Brumfit (1972):

*“The Enlightenment had no fixed body of doctrine. It included atheists, deists, Protestants and Catholic; aristocrats, democrats and admirers of enlightened despotism; idealists and materialist, Cartesians and anti-Cartesians, retiring scholars and embattled propagandists, wise men and fools.”*<sup>34</sup>

## **(ii) Pemikiran, gaya hidup, wang dan hierarki**

Identiti sosial yang berbeza membentuk sikap serta pemikiran yang berbeza dalam kalangan pemikir Kesedaran terhadap sesuatu perkara yang dihadapi atau diperjuangkan oleh mereka. Misalnya mereka bercanggah pendapat tentang soal fungsi dan kedudukan agama, hak asasi dan kebebasan manusia, peranan pemerintahan beraja dan institusinya serta cara-cara pengendalian sistem politik, ekonomi dan sosial. Bagaimanapun di sebalik perbezaan itu, terdapat satu unsur utama yang sering diperjuangkan, atau paling tidak pun, dipertahankan oleh tokoh-tokoh aliran Kesedaran. Unsur tersebut ialah gaya hidup elitis.<sup>35</sup>

Walaupun jelas kebanyakan daripada mereka bukanlah terdiri daripada golongan bangsawan, yakni dari segi ras atau keturunannya, tetapi mereka merupakan golongan bangsawan dalam bentuk lain, yakni dalam bentuk kepercayaan ketat dan kesombongan terhadap keistimewaan mereka berbanding dengan golongan lain dari segi gaya hidup, kebolehan berfikir dan tahap intelektualisme.

Sejak penghujung kurun ke-18, kedudukan dan prestij golongan *philosophés* di Perancis khususnya dalam kalangan penulis-penulis atasan (*homme du monde*) semakin meningkat sehingga mencapai status golongan elit-bangsawan. Mereka telah menjadikan kegiatan berkecimpung dalam dunia akademik sebagai landasan untuk membaiki status mereka dalam hierarki sosial sehingga mencapai kedudukan yang sangat tinggi dalam institusi pemerintahan regim lama. Matlamat utama budaya penulisan pada masa itu ialah sebagai satu alat golongan Kesedaran untuk bercampur dengan golongan bangsawan. Pencampuran ini mengukuhkan hierarki serta keistimewaan kelas yang sedia wujud, tetapi kali ini berdasarkan penglibatan dalam dunia penulisan atau akademik pula.

Sifat-sifat elitis dapat digambarkan melalui gaya hidup dan prestij yang menjadi kebanggaan golongan berkesedaran itu. Soal taraf akademik, jawatan atau pangkat, kedudukan sosial, kesegakan, kekayaan dan pergaulan amat dimegahkan, dijaga dan dipastikan agar tidak dicampuri oleh unsur-unsur bawahan yang dianggap jahil, liar dan fanatik. Malah semua kegiatan yang berpusatkan golongan elit itu tidak melibatkan sebarang aktiviti yang boleh memberi dorongan kepada pencampuran secara langsung dengan kelas bawahan, yang dengan itu dianggap boleh membawa kepada pencemaran idealisme golongan Kesedaran.

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, hlm, 19.

<sup>34</sup> J. H. Brumfit, *The French Enlightenment*, London: Macmillan, 1972, hlm. 13.

<sup>35</sup> Richet, Denis. *Autour des origines ideologiques lointaines de la Révolution française: Elites et despotism. Annales ESC* 24: 1-23. 1969, hlm, 23.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh golongan itu di salon-salon, *masonic lodges* dan institusi-institusi akademik kerajaan merupakan aktiviti-aktiviti elitis sepenuhnya, yang tidak mempunyai hubungkait dengan realiti hidup masyarakat bawahan di kampung-kampung mahupun kelas pekerja miskin di bandar-bandar. Aktiviti di salon misalnya menjadi satu merit baru bagi golongan tersebut mengukur kedudukan sosial. Di situlah golongan intelektual bangsawan dan para borjuis yang berharta bertemu untuk bergaul dan membentuk pemikiran bersama.<sup>36</sup> Hanya mereka yang terdiri daripada pembesar, pegawai-pegawai kerajaan, para intelektual dan ahli akademik atasan sahaja yang dibenarkan menjejakkan kaki di salon-salon. Mereka biasanya berasal daripada keluarga bangsawan atau kapitalis borjuis berharta, yang berpeluang memperolehi pendidikan di sekolah-sekolah terbaik dan termahal, dan taraf intelektualisme yang luar biasa menjadi ukuran utama bagi membentuk keserasian sesama mereka. Menurut Chaussinand-Nogaret;

*“To have access to this education was not strictly a privilege of birth, but rather one of wealth. The rich middle classes also took advantage of it, and in the best schools the sons of tax-farmers rubbed shoulders with the sons of dukes and princes of the blood. In this way a cultural elite emerged in which old stock mingled with new blood and magistrates-to-be with officers-to-be.”*  
37

Ramai pengkaji menolak tanggapan yang memperlihatkan kegiatan akademik golongan berkesedaran itu sebagai radikal. Sebaliknya mereka menegaskan matlamat utama golongan tersebut menghasilkan buku-buku hanyalah untuk memperoleh sumber pendapatan, mendapat penghargaan istana, elaun, pencen, juga atas kesukaan dan minat. Harus ditegaskan bahawa ramai yang menjadi pelopor idea Kesedaran menulis buku bukanlah untuk melancarkan perubahan politik, tetapi untuk menyalurkan minat berkarya, bersastera atau berfalsafah. Bukti-bukti yang diberikan menunjukkan bahawa ramai penulis atasan menggunakan kebolehan mereka dengan cuba mengambil kesempatan ke atas sikap pemerintah yang menggalakkan kegiatan akademik untuk mendapatkan keuntungan penjualan buku kepada golongan bangsawan, mendampingi pihak istana, memasuki darjat golongan bangsawan, seterusnya mendapat kedudukan, harta, pangkat, pencen, peruntukan wang dan sebagainya.

Contohnya Jean-Baptiste-Antoine Suard yang menikmati hidup mewah kerana memperolehi wang pencen, subsidi dan jawatan penting dalam kerajaan melalui kegiatannya menulis, menyusun dan menjual buku kepada golongan istana. Menurut Darnton, beliau telah menjual bukunya kepada Duke de Coigny dengan harga 12,000 *livres* dan seterusnya membeli rumah besar. Melalui pergaulannya dengan golongan elit, beliau telah dapat memegang beberapa jawatan penting, khususnya dalam institusi *Academie française* yang dikelolakan kerajaan, terlibat dalam penerbitan majalah yang

<sup>36</sup>Mengikuti Voltaire, “...Zaman Kesedaran hanya akan memberi pencerahan kepada sebahagian kecil orang yang berfikir dengan cara yang betul (*honnetes gens*). Rakyat biasa selalunya adalah golongan yang fanatik.” Lihat pendapat Voltaire seperti dipetik oleh T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm 24.

<sup>37</sup> Chaussinand-Nogaret. Dalam T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 21.

dibiayai oleh pihak kerajaan seperti *Gazette de France*, bahkan mengganggotai Badan Penapisan Di Raja dengan pendapatan sebanyak 20,000 *livres*.<sup>38</sup>

Seorang lagi ahli kesedaran iaitu Saurin turut menikmati kehidupan mewah melalui kegiatan akademik. Selepas kematiannya, balunya mendakwa dia telah jatuh miskin kerana kehidupan suaminya bergantung semata-mata kepada gaji, elaun-elaun dan pencen yang diberikan oleh kerajaan.<sup>39</sup> Ramai juga para *philosophés* yang merungut dengan elaun dan pencen yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka kerana dianggap tidak memadai dengan kerja-kerja penulisan mereka. Ducris misalnya pernah menulis surat kepada de Brienne menuntut agar diberikan pencen sebanyak 1,000 *livres* setahun seumur hidup setanding dengan kawan-kawannya yang lain yang mempunyai jawatan penting dalam institusi kerajaan seperti *Academie française* dan *Academie des Inscriptions*.<sup>40</sup> Daripada senarai lengkap penerima pencen yang didapati di pejabat perbendaharaan Calonne, rata-rata penulis *homme du monde* mendapat elaun dan pencen berdasarkan pelbagai jawatan dan kedudukan yang mereka monopoli dalam institusi-institusi akademik kerajaan. Ini termasuklah tokoh-tokoh yang penting seperti Morellet, Marmontel, La Harpe, Chamfort, Saint-Lambert, Bernadin de Saint-Pierre, Cailhava, Keralio, Garat, Piis, Cubières, des Essarts, Aubert dan Lemierre.<sup>41</sup> Imbuan wang dicurahkan oleh pihak pemerintah kepada golongan penulis elit *le monde* sebegitu mewah, tetapi penulis-penulis bawahan yang lebih radikal pemikirannya dan bersikap anti-pemerintah tidaklah senasib. Idea-idea dan tulisan-tulisan mereka selalu sahaja dikenakan sekatan.

Hakikatnya kegiatan penulisan dalam kurun ke-18, sama ada dengan gaya kasih atau benci, hanya menonjolkan satu tema utama; iaitu kejayaan kempen ahli kesedaran daripada golongan elit *le monde* untuk memenangi hati dan kedudukan pemerintah regim lama. Merekalah yang akhirnya memonopoli semua jawatan penting dalam institusi dan penerbitan akademik regim lama, khususnya *Academie française* dan jurnal-jurnal kerajaan seperti *Gazette de France*, *Mercury* dan *Journal des savants*. Menurut Darnton lagi, selepas peristiwa *chasse aux Pompignans* pada 1760, pemilihan Marmontel sebagai pengarah pada 1763 dan d'Alembert sebagai setiausaha tetapnya pada 1772, *Academie française* telah jatuh sepenuhnya ke tangan para *philosophés*, yang memperjuangkan rasional baru dalam pakaian lama, mengutuk hierarki lama tetapi ia sendiri menjadi amat berhierarki, serta menutup pintu kebebasan menulis demi mengelakkannya daripada dibolosi oleh unsur-unsur kefanatikan penulis-penulis bawahan. Menurut Darnton, *Academie française* telah menjadi seperti *clubhouse* bagi golongan *philosophés*, sebagai platform untuk menyerang golongan yang tidak berkesedaran (*l'infâme*), mengisytharkan kemaraan rasionalisme dan mengangkat kedudukan *philosophés* sebagai satu elit baru.<sup>42</sup>

Lebih ketara lagi, golongan *philosophés* turut memonopoli jawatan-jawatan penting dalam Badan Penapisan Di Raja, yang berperanan menyekat kegiatan penulisan yang bersifat antipemerintah. Ini jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip kebebasan menulis dan berfikir yang kononnya diperjuangkan oleh mereka. Mereka juga

---

<sup>38</sup> Darnton, Robert. The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France. *Past & Present* 51: 81-115. 1971, hlm, 85.

<sup>39</sup> *Ibid.*, hlm, 87.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> *Ibid.*, hlm, 86.

<sup>42</sup> *Ibid.*, hml, 89.

mempunyai kesatuan penulis dan badan penerbitan sendiri, serta memiliki kuasa menggubal akta dan sekatan yang membolehkan hanya elit *le monde* memonopoli seluruh kegiatan akademik dan penulisan, manakala penulis bawahan yang dianggap radikal dan revolusioner dikenakan dengan pelbagai bentuk sekatan dan hukuman. Sekatan-sekatan keras selalu dikenakan terhadap penulis-penulis bawahan *Glutter Rousseaus (les Rousseau des ruisseaux)* yang menghasilkan pandangan-pandangan radikal terhadap pemerintah, dan mereka tentunya tidak mendapat peluang serta kedudukan sebaik golongan *salonnières* pada kurun ke-18 itu.<sup>43</sup> Tidak hairanlah para *philosophés* yang terdiri daripada golongan elit *le monde* itu begitu dibenci oleh penulis-penulis radikal seperti Marat, Brissot dan Carra, yang menganggap penguasaan mereka terhadap kegiatan akademik kurun ke-18 itu sebagai satu bentuk ‘despotisme baru’.

Pendek kata, kesuburan intelektualisme baru di Perancis pada waktu itu telah menjadi satu budaya yang hanya mampu dinikmati oleh golongan bangsawan, pegawai kerajaan dan golongan berharta yang propemerintah, sedangkan golongan lain seperti petani yang buta huruf mahupun golongan penulis jalanan langsung tidak mendapat tempat dalam komuniti penulis-pemikir elit itu.

Kajian menunjukkan pengaruh golongan Kesedaran dan para *philosophés* terhadap masyarakat Perancis kurun ke-18 sebenarnya sangat terhad. Hanya golongan bangsawan yang berpendidikan sahaja menjadi satu-satunya kelompok dalam masyarakat yang berkeupayaan untuk memahami dan menyokong idealisme ahli Kesedaran dan *philosophés*.<sup>44</sup> Kegiatan mereka hanya berpusat di salon-salon dan institusi akademik di bandar-bandar, sedangkan dalam kehidupan rakyat jelata di kampung-kampung yang tidak disentuh oleh kegilaan baru itu, budaya, adat resam, agama dan kepercayaan tradisionalnya masih lagi kuat. Sebenarnya wujud ketidakpercayaan yang begitu menebal dalam kalangan rakyat bawahan terhadap golongan Kesedaran. Ini berkait rapat dengan sikap, pemikiran dan pendekatan yang dibawa oleh mereka terhadap rakyat bawahan itu sendiri.

### (iii) Tak percaya persamaan

Walaupun sering dijelaskan bahawa golongan Kesedaran telah memperjuangkan hak-hak persamaan dan kebebasan, namun persamaan dan kebebasan yang diperjuangkan oleh mereka sebenarnya bukanlah dalam maknanya yang luas seperti yang dapat kita fahami pada hari ini, tetapi dalam makna yang amat sempit, konservatif dan reaksionaris. Montesquieu, Voltaire dan Rousseau masing-masing mempunyai tafsiran tersendiri tentang makna kebebasan dan hak persamaan, dan mereka sangat berbeza pendapat dari segi bagaimana ia harus diamal, diinstitusi dan dikekalkan dalam masyarakat.

Montesquieu mendapat inspirasi perjuangannya daripada pemikiran John Locke, dan menyanjung perjuangan ke arah kebebasan dalam perlembagaan sepertimana yang dicapai dalam Revolusi England 1689. Perjuangan Montesquieu adalah mewakili cita-cita *these nobiliaire*, yang menolak despotisme atau kemutlakan kuasa raja, tetapi mahukan ‘feudalisme’ atau pembahagian kuasa antara raja dan bangsawan. Perjuangan yang dibawanya hanyalah memenuhi tuntutan sebahagian kecil kelas aristokrat di *parlement*,

<sup>43</sup> Sole, Jacques. *Questions of the French Revolution: A Historical Overview*. (Terj.). New York: Pantheon Books, 1988, hlm, 21.

<sup>44</sup> *Ibid.*

khususnya golongan *noblesse de robe*, untuk muncul sebagai satu badan yang dapat mengawal perundangan negara dan dengan itu pula menjadi simbol kepada kebebasan dan kedaulatan seluruh rakyat.

Voltaire dan kawan-kawannya daripada golongan *Encyclopediste* seperti Diderot dan d'Alembert pula melihat prinsip kebebasan dan persamaan berdasarkan kacamata Francis Bacon, yang mengagungkan pemikiran rasional, yang dipercayai dapat direalisasikan hanya melalui kemajuan sains dan teknologi, serta pemusatan kuasa pemerintah yang berkesedaran. Perjuangan Voltaire adalah berdasarkan *these royale*, yang meletakkan kedudukan raja sebagai punca bagi segala undang-undang dan kebebasan rakyat. Bagi Voltaire, sebuah kerajaan yang teguh dan rakyat yang bebas mestilah mempunyai sistem pemerintahan berpusat dengan raja yang 'berkuasa mutlak' dibantu oleh satu kelas elit yang berkesedaran bagi memastikan wujudnya kemakmuran negara. Hanya dengan wujudnya pemerintahan beraja 'mutlak' dan golongan yang berkesedaran diberikan hak memimpin sepenuhnya barulah dapat menjamin pengendalian hak-hak kebebasan serta persamaan sebenar dalam kalangan rakyat, khususnya apabila ia sedang diancam oleh kaum aristokrat dan *parlement* Perancis yang berjuang demi kuasa dan kepentingan kelas mereka sahaja.

Jelas ternyata kedua-dua bentuk perjuangan yang dibawa oleh Montesquieu dan Voltaire bukanlah sesuatu yang revolusioner, sebaliknya lebih bersifat reaksioner. Perjuangan untuk menegakkan kepentingan kaum bangsawan 'feudal' dan 'kekuasaan mutlak' raja adalah sesuatu yang agak ketinggalan zaman dalam era perubahan sebelum revolusi. Bahkan perjuangan elit ini ternyata ditolak oleh para revolusioner semasa Revolusi 1789.

Hanya Rousseau yang memperjuangkan sesuatu yang agak berbeza daripada Montesquieu atau Voltaire. Namun begitu, *these republicaine* yang diperjuangkannya bukanlah revolusioner dalam konteks ia menyanjung hak kebebasan dan persamaan untuk semua, sebaliknya ia adalah penyelesaian atau pengimbang kepada teori-teori Voltaire dan Montesquieu. Rousseau sendiri pun percaya bahawa kebebasan dan hak-hak persamaan itu hanya boleh diamalkan dalam sebuah negara kecil, misalnya Geneva, yang terdiri daripada masyarakat yang rata-ratanya sudah pun berpendidikan dan berkesedaran. *Geneve republicaine* yang diperjuangkan oleh Rousseau adalah republikanisme untuk kelas elit yang direka oleh Calvin pada kurun ke-16, bukanlah republikan yang difahami pada kurun ke-18. Malah idea Rousseau diakui dalam kalangan ramai pengkaji tidak wujud dengan begitu jelas.

Walaupun dalam tulisan mereka Voltaire dan Rousseau seolah-olah memperjuangkan prinsip kemanusiaan dan keadilan bagi semua, termasuk bagi kelas bawahan yang dianggap mereka sebagai *exotic savage* yang tidak bersalah, tetapi dari segi praktiknya, mereka langsung tidak dipercayai golongan itu. Bagi Rousseau, persamaan dan kebebasan khususnya dalam berpolitik seperti memimpin dan menyuarakan pendapat perlulah diberi hanya kepada mereka yang benar-benar layak, iaitu mereka yang berpendidikan dan berkesedaran sahaja. Rakyat bawahan, yang dianggapnya bebal, tidaklah layak mendapat hak yang setaraf.

Namun kerana tidak percaya kepada golongan bawahan, Rousseau, Diderot dan Voltaire juga tidak mahukan sistem pendidikan sama rata diberikan kepada semua rakyat. Menurut Wyngaard (2004), meskipun golongan Kesedaran menolak kejahilan dan kemiskinan, namun mereka tetap mempertahankan keperluan wujudnya golongan kelas



bawahan supaya dapat memastikan sistem sosial dan kemasyarakatan Perancis yang sedia ada dapat dikekalkan.<sup>45</sup> Rousseau misalnya menentang usaha-usaha memberikan pendidikan terbuka kepada golongan petani dan kelas bawahan berdasarkan pegangannya dalam *Emile*, iaitu pendidikan seharusnya dibentuk berdasarkan keadaan dan keperluan semulajadi seseorang individu, dan golongan bawahan tidaklah wajar dibentuk oleh persekitaran luar yang boleh merubah pemikiran dan kehidupan mereka.

Bagi Voltaire, tidak semua manusia berupaya dibentuk menjadi golongan berkesedaran sekalipun setelah diberi peluang pendidikan yang sama. Malah lebih bahaya lagi, katanya, kalau sekiranya rakyat bawahan yang fanatik mendapat pendidikan berlebihan.<sup>46</sup> Baginya, cukuplah sekadar sekumpulan kecil masyarakat yang benar-benar layak sahaja diberikan peluang, hak dan kekuasaan untuk memimpin seluruh ahli masyarakat dan menggerakkannya ke arah sebuah masyarakat yang berkesedaran.

Tokoh-tokoh *philosophés*, antaranya d'Alembert yang sering menggunakan bahasa demokrasi dalam tulisan-tulisannya juga turut menekankan keperluan agar masyarakat disusun berdasarkan hierarki dengan golongan berpendidikan diletak pada kedudukan paling atas.<sup>47</sup> Satu-satunya tokoh *philosophés* yang mungkin boleh diperlihatkan memperjuangkan demokrasi untuk semua pihak adalah Condorcet. Namun pemikiran sebenar tokoh ini juga menimbulkan keraguan ahli sejarah. Semasa merumuskan prinsip Condorcet terhadap hak-hak rakyat dalam politik, Maurice Cranston menjelaskan, "...even he proposed the limiting of the people's role in politics to voting for representatives, who in turn would ensure that the making of laws and policies was confined to persons of superior intellect."<sup>48</sup>

Menurut Wyngaard, hampir semua tokoh Kesedaran termasuklah juga mereka yang menjadi juara mempelopori usaha pendidikan untuk rakyat bawahan sependapat bahawa pendidikan haruslah diberikan secara yang terhad sahaja dalam memastikan penerusan sistem dan susunan sosial yang sedia ada. Mereka tidak mahu pendidikan mengubah masyarakat petani menjadi lebih daripada seorang petani yang pandai menulis dan membaca. Oleh itu, tokoh penting *philosophés* seperti Diderot berpendapat pendidikan yang wajar diberikan hanyalah sekadar pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira. Jika pendidikan selebihnya diperlukan, ia adalah dalam bentuk untuk mengawal, "...a way of indoctrinating peasants and members of the lower classes into social norms and values and teaching them to cherish their civic duties."<sup>49</sup>

Jelasnya, perjuangan golongan Kesedaran adalah sempit dan elitis, iaitu hanya untuk mempertahankan kepentingan kelas elit semata-mata. Mereka tidak sesekali percaya bahawa prinsip kebebasan dan hak persamaan itu juga boleh atau wajar diberikan

<sup>45</sup> Amy S. Wyngaard, *From Savage to Citizen: The Invention of the Peasants in the French Enlightenment*. Newark: University of Delaware Press. 2004, hlm, 156-161.

<sup>46</sup> Mengikut Voltaire, "...Zaman Kesedaran hanya akan memberi pencerahan kepada sebahagian kecil orang yang berfikir dengan cara yang betul (*honnetes gens*). Rakyat biasa selalunya adalah golongan yang fanatik." Lihat pendapat Voltaire seperti dipetik oleh T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 24.

<sup>47</sup> Darnton, Robert. *The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France. Past & Present* 51: 81-115. 1971, hlm 91.

<sup>48</sup> Cranston. Dalam Darnton, Robert. *The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France. Past & Present* 51: 81-115. 1971, hlm 91.

<sup>49</sup> Amy S. Wyngaard, *From Savage to Citizen: The Invention of the Peasants in the French Enlightenment*. Newark: University of Delaware Press. 2004, hlm, 157-158.

kepada sesiapa sahaja. Kerana tidak percaya kepada rakyat bawahan itulah, golongan Kesedaran menolak persamaan, dan oleh kerana bimbangkan rakyat yang didakwa fanatik dan tidak keruan itulah, maka mereka menolak keterbukaan.

#### **(iv) Mengukuhkan, bukan menentang regim lama**

Di sebalik dakwaan sesetengah pengkaji bahawa ideologi golongan *philosophés* adalah radikal dan bercanggah dengan sistem pemerintahan beraja dan kebangsawanan (Peyre 1969), sebenarnya golongan itu tidaklah pernah menolak pemerintahan regim lama. Memanglah daripada satu segi golongan Kesedaran memperjuangkan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial, tetapi tuntutannya adalah terhad dan tidaklah menongkah arus atau bercanggah sama sekali dengan kepentingan institusi sedia ada. Keadilan, persamaan dan kebebasan telah dituntut oleh mereka tetapi hanyalah untuk kepentingan golongan kaya, elit dan berpendidikan sahaja. Kritikan dan cemuhan juga telah dilempiaskan terhadap unsur-unsur tertentu dalam pemerintahan regim lama, tetapi tidaklah sampai ke peringkat menyerang institusi pemerintahan beraja dan kebangsawanan secara langsung. Oleh itu, timbul persoalan apakah sebenarnya bentuk pembaharuan yang diinginkan oleh golongan tersebut?

Matlamat utama gerakan Kesedaran sebenarnya adalah untuk menghapuskan apa yang mereka anggap sebagai ‘kebangkrapan’ dalam institusi pemerintahan regim lama, khususnya daripada segi penyalahgunaan kuasa oleh golongan bangsawan tradisional, kekangannya terhadap kebebasan bersuara serta tuntutan terhadap sistem ekonomi yang lebih adil dan terbuka. Kebebasan dan keadilan yang diperjuangkan itu sebenarnya demi kepentingan kelas baru berkesedaran itu. Solé (1988) menegaskan bahawa para *philosophés* hanya menentang sebahagian daripada tradisi kebangsawanan yang bercanggah dengan kepentingan mereka dan mahukan perubahan dalam pemberian hak-hak istimewa kepada semua golongan elit. Sebenarnya tuntutan mereka ini, yang dikatakan begitu radikal, hanyalah ke arah membina satu lagi bentuk pemerintahan yang bersifat *enlightened despotism*, atau menurut Cobban, *benevolent despotism*, yang dapat menjamin kepentingan kelas-kelas elit.<sup>50</sup> Tuntutan ini tidaklah mengancam kepentingan pemerintahan regim lama, jauh sekali daripada menanam bibit-bibit yang boleh mencetuskan revolusi dalam kalangan rakyat.

Dalam usaha mencapai tuntutan ini, mereka tidaklah sama sekali bermusuh dengan institusi pemerintahan beraja dan kebangsawanan. Apa yang mereka benci dan musuhi adalah golongan tertentu dalam regim lama, khususnya para pembesar tradisional, yang dianggap menyalahguna kuasa dan mempertahankan kepentingan ‘feudalisme’. Mereka mahukan sistem pemerintahan beraja diperkukuhkan, bukannya diruntuhkan, kerana ia dianggap satu-satunya institusi yang dapat mempertahankan rakyat daripada kejahatan saki-baki anasir ‘feudalisme’.

Sebagai seorang penyanjung aliran Kesedaran, Aulard contohnya mengakui dengan jelas bahawa perjuangan golongan Kesedaran adalah ke arah memperbaiki dan bukannya menentang pemerintahan beraja.<sup>51</sup> Bahkan beliau menjelaskannya lagi;

---

<sup>50</sup> Cobban, Alfred. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape. 1968, hlm 22.

<sup>51</sup> Aulard. Dalam W. Far. Church, *The Influence of the Enlightenment on the French Revolution*. Lexington, Massachusetts: D.C. Heath & Co. 1964, hlm, 50.

“... no one on the eve of the Revolution had ever dreamed of the establishment of a republic in France: It was a form of government that seemed impossible in a great state in course of unification. It was through the King that men sought to establish a free government. Men wished to organise the monarchy, not to destroy it.”<sup>52</sup>

Tidak hairanlah jika sesetengah ahli sejarah berpendapat perjuangan golongan Kesedaran bukanlah menandakan satu proses pengasingan atau pertembungan, tetapi sebaliknya asimilasi dan integrasi dengan sistem yang sedia ada.<sup>53</sup> Dalam konteks ini, perubahan yang digerakkan oleh aliran Kesedaran, menurut mereka, bolehlah dianggap sebagai satu proses pemodenan, bukannya revolusioner.<sup>54</sup>

Bahkan idealisme dan perjuangan golongan Kesedaran turut didokong oleh pemerintahan regim lama. Kurun ke-18 sebenarnya dikenali sebagai zaman pembaharuan, yang menyaksikan pemerintahan beraja menggunakan idea-idea Kesedaran sebagai asas reformasi dalam pemerintahannya. Raja-raja Eropah seperti Frederick II Prussia, Catherine II Russia dan Joseph II Austria menganggap diri mereka sebagai *enlightened despots* dan memperjuangkan pembaharuan dalam sistem pemerintahan beraja.

Di Perancis, idea-idea pembaharuan telah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Louis XVI. Dasar-dasar liberal diperkenalkan, dengan pemerintah sendiri menerajui pembaharuan dalam institusi politik, undang-undang, sosial, pendidikan dan agama seperti menghapuskan amalan penyiksaan terhadap tahanan, mengekang seigneurialisme, memodenkan mahkamah, membuka serta mengukuhkan institusi pendidikan serta melahirkan ramai pegawai dan peguam-peguam yang menjadi penghubung dan pembela kepentingan rakyat daripada tekanan tuan-tuan tanah. Dari segi agama, toleransi beragama juga telah dipraktikkan dengan pemberian hak-hak yang saksama terhadap mereka yang bukan beragama Katolik mahupun yang tidak beragama dan ini telahpun diamalkan oleh pemerintah Perancis sebelum kurun ke-18 lagi.

Matlamat regim lama adalah untuk mencipta satu pandangan umum yang serasi dengan kehendak dan dasar-dasar pemerintahannya. Oleh itu, sejak zaman pemerintahan Louis XIV lagi pemerintah Perancis telah menggunakan idea-idea *philosophes* dan mendampingi golongan Kesedaran, serta memberikan pelbagai bentuk galakan kepada kegiatan mereka. Aktiviti akademik telah menjadi satu mekanisme atau alat propaganda pihak pemerintah sejak dari awal. Pemerintah sendiri telah mempelopori usaha-usaha menubuhkan institusi-institusi akademik dan membiayai penerbitan jurnal-jurnal akademik yang kemudiannya menjadi institusi dan saluran yang berfungsi menyokong dan mengukuhkan regim lama. Antara institusi akademik yang telah ditubuh dan dikelolakan oleh kerajaan termasuklah *Academie française*, *Academie politique*, *Centre National de la Recherche Scientifique* (CNRS), manakala jurnal-jurnal utama yang

---

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> T.C.W Blanning. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education. 1987, hlm, 23.

<sup>54</sup> Sole, Jacques. *Questions of the French Revolution: A Historical Overview.* (Terj.). New York: Pantheon Books, 1989. hlm 17.

dibiayai kerajaan ialah *Royal Almanac*, *Mercure*, *Gazette de France* dan *Journal des savants*.<sup>55</sup>

Terdapat kajian yang menunjukkan bagaimana golongan Kesedaran amat bergantung kepada pembiayaan dan sumbangan istana dalam meneruskan dan mengembangkan aktiviti mereka. Kajian-kajian terhadap institusi yang ada hubungannya dengan aliran Kesedaran, misalnya *Caroline Hannaway Royal Medicine* dan *Roger Hahn Royal Academie Science*, dan *Roche Provincial Academie* menonjolkan tentang kepercayaan, sokongan dan kerjasama rapat atau kebergantungan antara golongan Kesedaran dengan pemerintahan regim lama, institusi-institusi dan ganjaran-ganjarannya.<sup>56</sup>

Kerajaan sendiri terlibat secara aktif memelopori usaha-usaha untuk melahirkan seramai mungkin golongan intelektual elit yang bersedia menjadi propagandis kerajaan dengan menghasilkan tulisan-tulisan serta terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dapat memperlihatkan pemerintahan beraja sebagai institusi kerajaan yang baik, bersih dan sah. Melalui penubuhan institusi pendidikan moden seperti CNRS, pemerintahan beraja berhajat untuk "...supported serious savants, perhaps even with the intention of recruiting a fresh intellectual elite. It also dispensed charity. And it used its fund to encourage writing that would make the regime look good."<sup>57</sup> Seperti yang diujahkan sebelum ini, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai bentuk ganjaran dan insentif seperti jawatan, pencen, hadiah, upah, gaji, elaun dan lain-lain kepada para penulis atasan untuk menggalakkan kegiatan intelektual yang dapat membantu memberikan nama dan imej yang baik kepada regim lama. Sebaliknya regim lama tidak pula bersedia memberikan sebarang bantuan kepada penulis yang kesetiannya kepada pemerintahan diragui.

Bukti-bukti di atas dapat menjelaskan wujudnya keserasian, hubungan rapat dan sikap kebergantungan golongan *philosophés* terhadap regim lama. Pergerakannya bukanlah bersifat penentangan atau permusuhan terhadap pemerintah. Oleh itu, adalah tidak tepat untuk mendakwa bahawa pergerakan *philosophés* dan aliran Kesedaran adalah radikal dalam konteks hubungannya dengan pemerintahan beraja.

#### (v) Sikap terhadap agama

Dalam banyak institusi yang dikatakan menjadi sasaran revolusi - pemerintahan beraja 'mutlak', agama Katolik, hak keistimewaan, dan kebangsawanan - hanya Kristian Katolik yang sering diperlihatkan telah menjadi musuh paling utama dan sasaran sebenar golongan itu.<sup>58</sup> Umumnya gelombang yang sering dikaitkan dengan aliran itu ialah penentangannya terhadap institusi gereja dan peranannya dalam memperkenalkan apa yang dianggap sebagai faham sekularisme di Eropah. Menurut Crocker, "Penolakan

---

<sup>55</sup> Darnton, Robert. *The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France*. *Past & Present* 51: 81-115. 1971, hlm 89.

<sup>56</sup> Kaisser, Thomas E. *This Strange Offspring of Philosophie: Recent historiographical Problems in Relating the Enlightenment to the French Revolution*. *French Historical Studies* 15 (3): 549-562. 1988, hlm, 588.

<sup>57</sup> Darnton, Robert. *The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France*. *Past & Present* 51: 81-115. 1971, hlm, 88.

<sup>58</sup> Tocqueville, Alexis de. 1908. 6; Wade 1971 *The Old Regime and the French Revolution* (Terj. Stuart Gilbert). New York: Doubleday Anchor Books, 1955. hlm, 25.

terhadap agama Kristian dan penggantiannya dengan falsafah sekular merupakan intipati pandangan baru [aliran Kesedaran] itu.”<sup>59</sup>

Para pengkaji menganggap golongan Kesedaran adalah rasionalis antiagama, atau paling tidak pun, sekularis. Menurut Palmer dan Colton, “Pemikiran Kesedaran adalah sekular sepenuhnya. Gereja telah dianggap, paling baik pun, sebagai satu institusi yang memberikan faedah sosial sahaja. Bagi yang lebih militan, gereja adalah warisan zaman gasar.”<sup>60</sup> Peyre (1969) pula menyebut bahawa, walaupun tanpa menginginkannya, aliran Kesedaran berperanan membuka jalan kepada revolusi melalui tiga cara. Pertama, dengan melemahkan tradisi beragama, kedua mengajar etika-etika baru berasaskan kod-kod sekular dan ketiga membina pemikiran yang analitikal dan kritikal, yang menggalakkan unsur-unsur ketidakpercayaan dan penolakan terhadap kongkongan agama.<sup>61</sup> Pendek kata, sarjana-sarjana tersebut percaya golongan Kesedaran bertanggungjawab sepenuhnya membawa pemikiran sekular dan antiagama yang akhirnya telah meruntuhkan tradisi beragama dan kekuasaan gereja Katolik di Perancis.

Tetapi dalam hal yang dianggap sebagai paling asas dan menonjol itu pun terdapat keraguannya juga. Adakah benar bahawa gerakan Kesedaran adalah bersifat antiagama dan jika jawapannya ya, sejauh manakah pula seruannya terhadap kebencian kepada agama telah dapat menghakis kesetiaan seluruh masyarakat terhadap ajaran Katolik?

Sebenarnya pandangan yang mengatakan golongan Kesedaran adalah bersifat sekular sepenuhnya dan antiagama adalah tidak tepat. Ini kerana walaupun sebahagian daripada mereka terdiri daripada golongan sekularis dan ateis, tetapi ada juga sesetengahnya yang taat beragama, atau paling tidak pun, percaya kepada keperluan agama dan kelangsungan institusinya. Pada masa yang sama, haruslah dibezakan juga antara golongan yang boleh dianggap sebagai antiagama dengan mereka yang hanya berseteru dengan pihak-pihak tertentu dalam institusi agama dan telah berjuang ke arah penyuciannya.

Bagi pemikir seperti Tocqueville, agama bukanlah musuh sebenar golongan Kesedaran. Apa yang dimusuhi mereka hanyalah amalan dan institusi agama tertentu yang disalahguna oleh golongan bangsawan tradisional. Walaupun tidak dinafikan akhirnya agama turut menjadi mangsa kepada keadaan, namun anggapan sesetengah pihak bahawa gerakan Kesedaran telah membawa perubahan revolusioner dan penghakisan terhadap kepercayaan agama adalah sesuatu yang bercanggah dengan hakikat sebenarnya yang berlaku.

Ada golongan Kesedaran yang antiagama dan menolak agama Katolik, tetapi cemuhan mereka terhadapnya tidaklah sampai ke tahap menjejaskan sama sekali kehidupan beragama, apatah lagi mematahkan kepercayaan rakyat terhadap institusi agama. Rakyat sendiri pun tidak percaya terhadap golongan itu. Pengaruh agama masih kuat di Perancis, bahkan majoriti rakyatnya tidak mudah terpengaruh dengan seruan-seruan puak ateis dan sekularis dari golongan elitis itu. Ini dibuktikan dengan kelangsungan agama Katolik sebagai agama terbesar di Perancis biarpun setelah melalui

<sup>59</sup> Crocker dalam Qasim Ahmad. *Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner*. Dalam *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991, hlm 75.

<sup>60</sup> Palmer dan Colton dalam Qasim Ahmad. *Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner*. Dalam *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991, hlm 75.

<sup>61</sup> Peyre, Henri. 1969. *The Influence of Eighteenth Century Ideas on the French Revolution*. Dalam *The Shaping of Modern Europe*. London: Collier-Macmillan Press. 1969, hlm, 59.

era revolusi. Pada era revolusi, rakyat bawahan rata-ratanya masih taat beragama.<sup>62</sup> Agama masih menjadi institusi penting kepada rakyat di luar bandar. Buku-buku agama lebih banyak dibaca oleh mereka dibandingkan dengan buku-buku *philosophés* yang tidak berkaitan dengan mereka. Upacara agama dan kegiatannya bergerak dengan lancar meskipun wujud kebencian rakyat terhadap golongan paderi atasan dan bangsawan yang menyalahgunakan kepentingan institusi agama, termasuklah cukai gereja, untuk mengaut keuntungan peribadi.

Bahkan usaha para sarjana untuk mengaitkan perkembangan yang berlaku semasa era revolusi dengan kemunculan faham sekularisme adalah sesuatu yang bersifat memperbesar-besarkan dan bercanggah dengan realiti di Perancis pada kurun ke-18 itu. Ini kerana faham sekularisme sebenarnya telah lama wujud sebelum kurun ke-18. Kemunculannya di Perancis bukanlah dicituskan oleh golongan Kesedaran, tetapi oleh pemerintahan beraja sendiri. Usaha-usaha untuk mengasingkan serta menghakis kekuasaan gereja terhadap politik dan meletakkannya di bawah cengkaman kerajaan telah bermula sejak kurun ke-16 lagi dan mencapai kemuncaknya pada zaman pemerintahan Louis XIV. Pada zaman Louis XVI, institusi agama telah menjadi sekular sepenuhnya. Oleh itu, proses pensekularan institusi agama di Perancis tidaklah wajar dikaitkan dengan kemunculan idea-idea Kesedaran dan tidak sepatutnya dilihat sebagai sesuatu yang memberi kesan besar kepada kemunculan cita-cita revolusi.

### **Peranan dan Sumbangan Terhadap Revolusi:**

Penelitian terhadap prinsip dan pendekatan aliran Kesedaran itu sahaja mungkin tidak dapat menjelaskan peranan sebenar yang dimainkan oleh mereka, jika tidak ditinjau juga dari sudut pengaruh dan kesan pergerakannya kepada masyarakat Perancis kurun ke-18 itu. Mungkinkah kesan gerakan *philosophés* dan aliran Kesedaran adalah lebih radikal daripada matlamatnya? Atau mungkinkah rakyat Perancis benar-benar telah terpengaruh dengan idea-idea Kesedaran lalu menggunakannya sebagai asas sewaktu melancarkan revolusi? Jika bukan golongan Kesedaran yang memimpin dan memberikan kesedaran kepada rakyat, maka siapa lagi yang telah memainkan peranan menggalakkan rakyat Perancis terlibat dalam revolusi? Inilah persoalan-persoalannya yang harus dijawab agar kita dapat mengenalpasti pengaruh dan kesan pergerakan aliran tersebut terhadap masyarakat Perancis dan pencetusan Revolusi Perancis 1789.

Sememangnya terdapat sarjana yang mengakui bahawa prinsip-prinsip dan pendekatan yang diperjuangkan oleh golongan Kesedaran tidaklah begitu radikal, tetapi mereka tetap percaya idealisme yang bawa dalam tulisan-tulisan golongan ini telah mewujudkan kesan-kesan sebaliknya kepada golongan bawahan. Mereka menerima tempias daripada idea-idea tentang persamaan, keadilan dan demokrasi yang dituntut oleh golongan Kesedaran. Buku-buku para *philosophés*, dengan apapun bahasa dan tujuannya, kata sesetengah pengkaji, "...telah menghasilkan 'penghakisian ideologi' yang mencetuskan pemikiran revolusioner."<sup>63</sup>

---

<sup>62</sup> Sole, Jacques. *Questions of the French Revolution: A Historical Overview*. (Terj.). New York: Pantheon Books, 1989. hlm. 11-13.

<sup>63</sup>Roger Chartier, *The Cultural Origins of the French Revolution*, Terj. Lydia G. Cochrane. Durham and London: Duke University Press, 1991, hlm. 67-93.

Bagi pemikir seperti Taine, para *philosophés* adalah pelopor sebenar revolusi. Dalam revolusi 1789 itu, kata Taine, “*Millios of savages were launched into action by a few thousand babblers.*”<sup>64</sup> Condorcet, yang menyokong revolusi, turut mendakwa bahawa revolusi adalah satu kejayaan golongan *friends of reason*. Sebaliknya Abbé Barruel, yang antirevolusi, mengatakan aliran Kesedaran adalah dalang di sebalik komplot anasir subversif yang menjatuhkan regim lama.<sup>65</sup> Namun keraguan tetap timbul di sini, iaitu jika niat dan matlamat gerakan Kesedaran itu sendiri tidaklah radikal, bagaimanakah ia mampu meninggalkan kesan-kesan yang sebaliknya pula? Bagi mencari jawapan kepada persoalan ini, kita haruslah meninjaunya dari beberapa aspek yang wujud sebelum, semasa dan selepas revolusi.

### (i) Sebelum revolusi

Bagaimanakah kita boleh mengukur pengaruh idea Kesedaran terhadap rakyat Perancis sebelum dan semasa revolusi? Dalam konteks zaman sebelum revolusi, mujurlah ada satu sumber paling sesuai yang boleh dijadikan sebagai bukti untuk kita membaca dan memahami pemikiran sebahagian rakyat Perancis pada kurun ke-18 itu. Sumber tersebut ialah *cahiers de doléances*, iaitu nota-nota rungutan yang dihasilkan melalui satu pungutan suara sewaktu raja Louis XVI cuba mendapatkan persetujuan rakyat umum tentang bagaimana Estate General perlu bersidang pada 1789. Melaluinya, rakyat jelata dapat menyuarakan perasaan atau ketidakpuasan hati mereka serta menjelaskan secara terbuka tentang apa sebenarnya yang mereka mahukan. Walaupun *cahiers* rata-ratanya ditulis oleh golongan bangsawan dan borjuis,<sup>66</sup> tetapi ia juga telah menyalurkan luahan rakyat dan dengan itu dapat menyampaikan mesej rakyat bawahan kepada pemerintah mengikut pandangan dan suara hati mereka sendiri.

Berdasarkan beberapa kajian, dalam pelbagai bentuk dan asal-usul *cahiers* yang dikemukakan rakyat Perancis, sebenarnya tidak ada satu pun yang mengandungi tuntutan yang revolusioner dalam konteks mahukan perubahan dinasti, sistem pemerintahan atau pun penubuhan sebuah republik.<sup>67</sup> Bahkan Aulard sendiri mendakwa bahawa tidak wujud ‘sebarang unsur kritikan’ sama ada secara langsung atau tidak langsung terhadap pemerintah. Bahkan menurutnya;

<sup>64</sup> Taine dalam Cobban, Alfred. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape. 1968, hlm, 18.

<sup>65</sup> Kaisser, Thomas E. This Strange Offspring of Philosophie: Recent historiographical Problems in Relating the Enlightenment to the French Revolution. *French Historical Studies* 15 (3): 549-562. 1988, hlm, 549.

<sup>66</sup> Kebanyakan *cahiers* yang dikemukakan oleh golongan rakyat telah ditulis dengan bantuan golongan borjuis. Bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa sebahagian golongan borjuis dan pegawai-pegawai kerajaan ini telah bersimpati dan memperjuangkan kepentingan golongan bawahan.

<sup>67</sup> Pandangan seperti ini dikemukakan oleh beberapa pengkaji, misalnya Cobban (1968), Chartier (1981), Hunt (1984), Blanning (1987) Sole (1988), Baker (1990) dan lain-lain. Baker menjelaskan bahawa Deklarasi Hak Manusia bukanlah kemuncak daripada idea dan perjuangan golongan philosophes tetapi satu dokumen yang dibentuk oleh pelbagai ideology perjuangan yang berbeza. Chartier pula mengatakan tanggapan umum yang menganggap bahawa Kesedaran menyebabkan revolusi adalah satu kesilapan besar dan wujud akibat salah tanggapan ‘*post hoc ergo propter hoc*’ (after the fact, therefore because of the fact). Beliau sebaliknya menekankan proses pengkristianan (de-Christianization) and pemusatan kuasa oleh regim lama sebagai agen-agen kepada pencetusan revolusi. Oleh itu, seperti beberapa sarjana lain mereka juga menganggap Revolusi Perancislah yang mencipta idea-idea radikal dan Kesedaran dan bukannya sebaliknya.

*“In all these documents [cahiers], the French are seen imbued with an ardent royalism, a warm devotion to the person of Louis XVI. Above all, in documents of the more humble kind, petitions from parishes, and the like, there is a note of confidence, love and gratitude. “Our good King! The King our father!” – so the peasants and the workers address him. The nobles and the clergy, less ingenuously enthusiastic, appear equally loyal.”*<sup>68</sup>

Beberapa ahli sejarah seperti Furet (1978) dan Taylor (1972) yang turut mengkaji kandungan *cahiers* 1789 juga mendapati hampir tidak ada dialog antara suara pembaharuan dan kerajaan kecualilah tuntutan-tuntutan golongan bawahan yang bersifat reaksioner dan tradisional. Oleh itu, mereka juga telah merumuskan bahawa tidak terdapat kesan atau pengaruh mendalam idea-idea Kesedaran dalam pemikiran dan perbincangan politik pada zaman regim lama.

Pendek kata, bukti-bukti yang ditunjukkan oleh *cahiers* menyarankan bahawa tidak ada pengaruh pemikiran revolusioner yang jelas. Rakyat umumnya masih setia kepada pemerintahan beraja. Mereka hanya mahukan perubahan yang sederhana, bukannya radikal atau revolusioner yang mengancam sistem politik sedia ada. Malah mereka menuntut kekuasaan raja dikukuhkan semula, dengan sebahagiannya menyuarakan tentang keperluan agar institusi pemerintahan Perancis dikembalikan kepada zaman pemerintahan ‘kekuasaan mutlak’. Bagi *cahiers* dari daerah-daerah luar bandar, hampir tidak ada unsur Kesedaran yang membentuk rungutan mereka. Cuma yang jelas ialah petani merungut tentang isu-isu berkaitan keperitan hidup mereka secara langsung, khususnya yang berkaitan dengan penindasan tuan-tuan tanah. Jadi apa yang dituntut oleh rakyat melalui *cahiers* bukannya perubahan ke depan, tetapi ke belakang. Mereka juga tidak terikut-ikut dengan tuntutan pimpinan elit yang mahu mempertahankan kedudukan dan kepentingan kelas mereka semata-mata.

## **(ii) Semasa revolusi**

Sifat-sifat pencetusan Revolusi Perancis 1789 itu sendiri menjelaskan bahawa pengaruh aliran Kesedaran tidak begitu mendalam sebelum mahupun semasa era revolusi. Terdapat tiga bentuk revolusi yang tercetus di Perancis pada sekitar tahun 1780-an, dan ketiga-tiganya lahir daripada pelbagai sebab, kepentingan dan matlamat yang berbeza. Soalnya ialah, sejauh manakah atau dari sudut manakah idea-idea Kesedaran telah mempengaruhi mana-mana satu daripada pergerakan ini?

Pencetusan revolusi telah bermula pada 1787 dalam bentuk revolusi bangsawan (*révolte nobiliaire*). Menurut Cobban, ia adalah kesan daripada percubaan sebahagian kelas istimewa untuk mengambil alih kerajaan Perancis. Ia adalah revolusi para aristokrat dan *Parlementaries* yang dikatakan diperjuangkan berlandaskan cita-cita untuk mengembalikan kedudukan kaum bangsawan sama seperti zaman pemerintahan feudal.<sup>69</sup>

---

<sup>68</sup> Taylor, George V. 1972. Revolutionary and Nonrevolutionary Content in the Cahiers of 1789: An Interim Report. *French Historical Studies* 7: 479-502. Chartier, Roger. 1990. *The Cultural Origins of the French Revolution*. Terj. Lydia G. Cochrane. Durham and London: Duke University Press, 1991. Markoff, John. 1990. Peasants Protest: The Claims of Lord, Church and State in the Cahiers de doléances of 1789. *Comparative Study of Society and History* 32: 413-454. Markoff, John. 1996. *The Abolition of Feudalism: Peasants, Lords and Legislators in the French Revolution*. Pennsylvania: Pennsylvania University Press.

<sup>69</sup> Cobban, Alfred. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape. 1968, hlm, 23.



Revolusi ini tidak ada kaitannya dengan idea Kesedaran dan bahkan bertentangan sama sekali dengan cita-cita yang dibawa para *philosophés*. Walaupun ia dipelopori oleh tokoh Kesedaran sendiri iaitu Montesquieu, namun perjuangan Montesquieu tidak mendapat tempat dalam kalangan *philosophés* dan *encyclopediste* kurun ke-18. Perjuangan ini pula terlalu sempit kerana hanya menfokuskan kepada keadaan yang berlaku di Paris. Di luar Paris revolusi kaum bangsawan ini tidaklah begitu berpengaruh. Ia tidak mewakili hasrat seluruh rakyat dan masih tradisional sifatnya.

Revolusi kedua berlaku pada 1789. Ia adalah revolusi oleh rakyat bawahan, yang rata-ratanya terdiri daripada para petani, yang dilabelkan sebagai golongan bebal dan fanatik oleh golongan Kesedaran. Revolusi ini, sebagaimana yang pernah diterangkan oleh Lefebvre, adalah bersifat terpencil dan bebas. Ia boleh tercetus pada bila-bila masa sahaja dalam keadaan yang perlu atau sesuai, dan tidak ada satu teori dapat digunakan untuk menjustifikasi revolusi berbentuk sebegini.<sup>70</sup> Mereka yang terlibat dalam revolusi ini, pada pandangan Lefebvre, tidak dipengaruhi oleh idealisme tertentu. Penentangan terhadap sesuatu bentuk penyelewengan atau penindasan kerap kali berlaku tanpa sebarang idealisme yang jelas. Mereka juga tidak mungkin dipimpin oleh golongan Kesedaran kerana sikap mereka yang dicurigai dan dibenci oleh kelas-kelas elit dan bangsawan itu.

Revolusi para marheim ini berlaku dalam bentuk serangan terhadap apa yang dianggap sebagai amalan 'feudalisme baru', iaitu penindasan berasaskan tanah yang dilakukan oleh golongan tuan-tuan tanah yang terdiri daripada kalangan borjuis-bangsawan. Ada juga penentangan berlaku tanpa sesuatu sebab yang rasional, misalnya 'grande peur' yang timbul akibat ketakutan yang tidak berasas dalam kalangan para petani terhadap ancaman kebangkitan semula kelas bangsawan dan puak *émigrés*.

Memanglah daripada satu sudut para sarjana boleh mempersoalkan bahawa kebangkitan golongan petani ini tidak mungkin akan terjadi sekiranya tidak ada sebarang idealisme. Lagipun penindasan tuan tanah dan kesusahan hidup petani telah lama berlaku tetapi tidaklah mencetuskan api revolusi sebelumnya. Namun pendapat ini hanya dapat dipertahan sekiranya kita melihat revolusi itu sebagai satu revolusi rakyat yang menyeluruh dan idealismenya hanya mungkin berpunca daripada pembacaan buku-buku tokoh Kesedaran semata-mata. Ia juga dapat diterima jika para sarjana mengeneppikan kepentingan ideologi yang turut dicetuskan oleh pihak-pihak lain, misalnya puak revolusioner atau pun kerajaan sendiri dalam memberikan kesedaran kepada rakyat bawahan untuk bangkit menentang unsur-unsur ketidakadilan dan menuntut persamaan. Sebenarnya idealisme yang mempengaruhi pergerakan golongan petani, bagi sarjana yang tidak sependapat dengan Lefebvre, mungkin wujud, tetapi sama ada ia berpunca daripada idea-idea Kesedaran atau idea revolusioner yang lain adalah satu persoalan yang perlu juga ditimbang dengan teliti.

Bagi Cobban (1968), apa yang telah menggerakkan penentangan golongan petani bukanlah berpunca daripada pengaruh idea-idea Kesedaran, tetapi peranan yang dimainkan oleh satu kumpulan lain, iaitu *tiers etat*. Revolusi golongan ini, yang terjadi selepas revolusi pertama, menekankan soal kebebasan rakyat dengan menumpu pada cita-cita memperjuangkan persamaan dan prinsip kedaulatan rakyat. Dalam penentangan ketiga inilah barangkali kita boleh menemui unsur-unsur yang boleh dikaitkan dengan

<sup>70</sup> Lefebvre dalam Cobban Alfred. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape. 1968, hlm, 23.

idea-idea Kesedaran Tetapi gagasan persamaan dan kedaulatan rakyat yang diperjuangkan oleh *tiers etat* sebenarnya boleh dilihat sebagai ‘amat’ radikal sehingga tidak mungkin sama atau serasi dengan prinsip-prinsip yang telah diperjuangkan oleh golongan Kesedaran. Persoalan sama ada apa yang dicapai dalam revolusi ketiga ini adalah mencerminkan prinsip-prinsip radikal yang cuba ditanam oleh aliran Kesedaran akan dibincangkan dengan lebih lanjut lagi apabila kita menyentuh tentang perubahan-perubahan sebenar yang berlaku selepas revolusi dan sejauh mana ia mempunyai kaitannya dengan idea-idea yang dibawa oleh golongan Kesedaran.

### (iii) Selepas revolusi

Sebenarnya pengaruh pemikiran *philosophés* dan tokoh-tokoh Kesedaran terhadap pencapaian selepas revolusi 1789 pun tidak jelas dan diragukan. Idea Montesquieu dan Voltaire tidaklah diterima dan diperjuangkan oleh rakyat bawahan semasa revolusi. Walaupun Rousseau sering disebut sebagai ‘bapa’ Revolusi Perancis, tetapi idea-ideanya tidaklah sebegitu menonjol sebelum 1789. Menurut McNeil (1945 dan 1953), sebelum 1789 Rousseau tidaklah mempunyai reputasi sebagai seorang ahli falsafah politik, tetapi lebih dikenali sebagai seorang novelis, ahli teori pendidikan dan tokoh pembaharu agama. Pengaruh Rousseau hanya didapati wujud selepas era revolusi sehingga dikatakan bukannya Rousseau yang mempelopori revolusi, tetapi sebenarnya revolusilah yang telah mencipta Rousseau (McNeil 1945, 201; McNeil 1953, 808-823).

Buku-buku yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh Kesedaran dan *philosophés* memang mempunyai pengaruhnya yang tertentu. *Encyclopedie* misalnya menjadi bahan bacaan terpenting golongan yang berkesedaran. Tetapi kebanyakan rakyat Perancis tidak mampu membelinya, sedangkan yang mampu membeli atau membacanya pula tidak semestinya percaya dengan apa yang dibacanya. Bahkan bagi yang percaya pula barangkali mempunyai tafsiran tersendiri yang bercanggahan antara satu sama lain. Misalnya ada sesetengah golongan Kesedaran yang bersetuju dengan revolusi, tetapi ramai juga yang tidak bersetuju. Malahan tidak semua golongan yang membaca *encyclopedie* terdiri daripada mereka yang menyokong revolusi. Sebaliknya sebahagian besar daripada mereka adalah daripada golongan *émigrés* dan elitis yang antirevolusi.

Apa yang sering gagal diperlihatkan oleh ahli sejarah ialah hakikat bahawa pihak antirevolusi juga membaca bahan-bahan bacaan yang sama dengan mereka yang mendokong revolusi. Misalnya apabila buku-buku puak *émigrés* dan antirevolusi dirampas oleh para revolusioner pada 1792, ia didapati adalah buku-buku yang ditulis oleh golongan Kesedaran seperti Buffon, Montesquieu dan Voltaire, termasuklah *encyclopedie* itu sendiri.

Perlu dijelaskan juga bahawa *Contrat social* Rousseau yang digunakan oleh para revolusioner untuk menjustifikasikan perubahan-perubahan semasa revolusi juga turut menjadi asas kepada perjuangan golongan konservatif dan antirevolusi untuk sebaliknya menentang revolusi.<sup>71</sup> Misalnya prinsip-prinsip yang dipegang oleh Rousseau jelas diperjuangkan oleh golongan antirevolusi semasa timbulnya perdebatan dalam

---

<sup>71</sup>McNeil, Gordon H. 1945. The Cult of Rousseau and the French Revolution, *Journal of the History of Ideas* 8 (2) : 808-823-212, hlm, 202.

Perhimpunan Kebangsaan tentang soal perlembagaan.<sup>72</sup> Mereka telah memetik dan menggunakan idea-idea Rousseau untuk menentang pembaharuan-pembaharuan dalam perlembagaan yang dikemukakan oleh pihak revolusioner.

Begitu juga pada tahun 1789, semasa perdebatan hangat tentang isu perampasan harta gereja, seorang tokoh bangsawan antirevolusi iaitu Abbe Maury telah mempertahankan hak-hak istimewa kelasnya dengan merujuk kepada prinsip-prinsip yang telah diperjuangkan oleh Rousseau. Malah idea-idea Rousseau telah digunakan secara meluas oleh para penentang revolusi, antaranya termasuklah Comte Ferrand, Comte d'Antraigues, La Harpe, Charles François Lenormant dan ramai lagi, yang mendakwa diri mereka sebagai pengikut dan penyambung ajaran Rousseau.<sup>73</sup> Lebih mengejutkan lagi ialah sesetengah tulisan tokoh Kesedaran dan *philosophés*, misalnya Descartes, Fenelon, Buffon dan Mably, telah ditolak oleh para revolusioner dalam Perhimpunan kebangsaan, kerana telah dianggap berpihak kepada musuh revolusi. Oleh itu, adalah sukar untuk kita mengaitkan pencetusan mahupun pencapaian Revolusi Perancis 1789 dengan idea-idea Kesedaran, seperti juga sukarnya untuk kita mendakwa bahawa mereka yang membaca tulisan-tulisan para *philosophés* boleh membentuk satu pemikiran atau ideologi yang sama.

Pada kacamata ramai sarjana, pencapaian revolusi 1789 sebenarnya boleh dianggap telah menghancurkan matlamat dan impian golongan Kesedaran. Seperti dikatakan sebelum ini, golongan Kesedaran merupakan pihak yang memperoleh manfaat besar daripada kelangsungan institusi kebangsawanan dan pemerintahan beraja. Apabila berlaku revolusi yang meruntuhkan kedua-duanya, ia menjadi suatu malapetaka bagi mereka. Golongan Kesedaran menganggap zaman pemerintahan beraja sebagai "...the most favorable society for men of letter that history had ever seen."<sup>74</sup> Bagi golongan *philosophés* yang masih hidup semasa revolusi, ia diterima sebagai satu bentuk pengkhianatan terhadap harapan-harapan sebelum revolusi. Panckoucke, orang yang bertanggungjawab menerbitkan dan mendapat keuntungan daripada penjualan *encyclopédie*, melihat kebangkitan 1789 pada asasnya sebagai "...a collapse of established values."<sup>75</sup> Bahkan ramai golongan Kesedaran telah melalui zaman *Terror* dengan menanggung penderitaan atau terpaksa berjuang bermati-matian untuk tidak menjadi mangsa kepada luahan benci para revolusioner.

Jelasnya, apa yang terjadi selepas revolusi menunjukkan sebenarnya golongan Kesedaran dan *philosophés* bukan menjadi pelopor, tetapi menjadi mangsa revolusi. Revolusi Perancis 1789 telah meruntuhkan tradisi, harapan, kepentingan dan keistimewaan yang pernah dinikmati oleh mereka dan memberi peluang kepada golongan bawahan merampas kedudukan mereka. Sepertimana yang diterangkan oleh Darnton;

*"The Revolution turned the cultural world upside down. It destroyed the academies, scattered the salons, retracted the pensions, abolished the*

<sup>72</sup> McNeil, Gordon H. 1953. The Anti-Revolutionary Rousseau. *American Historical Review* 53 (4): 808-823. -212. hlm, 809.

<sup>73</sup> Ibid.,

<sup>74</sup> Sole, Jacques. *Questions of the French Revolution: A Historical Overview*. (Terj.). New York: Pantheon Books, 1989. hlm 18.

<sup>75</sup> Ibid.,

*privileges and obliterated the agencies and vested interests that had strangled the book trade before 1789.”<sup>76</sup>*

Penghujung kurun ke-18 mungkin boleh dikatakan zaman yang melahirkan suatu bentuk perubahan terhadap kesedaran politik daripada idea pemusatan kuasa pada individu kepada pemusatan kuasa pada rakyat, tetapi ia bukanlah persambungan daripada idea-idea Kesedaran. Gagasan-gagasan baru yang muncul setelah revolusi, misalnya konsep individu sebagai satu bangsa, kebebasan dalam penglibatan politik untuk semua rakyat dan kedaulatan rakyat, walaupun sering diperlihatkan terhasil daripada pengaruh idea-idea Kesedaran, namun sebenarnya ia merupakan suatu perubahan yang jauh bertentangan dengan prinsip-prinsip yang dipegang oleh golongan *philosophés*. Hunt menjelaskan bahawa meskipun “...orang Perancis telah mempelajari tentang bahasa pembaharuan melalui suara *philosophés* dan *parlementaire*, tetapi mereka telah pun mencipta bahasa-bahasa revolusi mereka sendiri.”<sup>77</sup> Idea-idea yang mempengaruhi pembentukan Deklarasi Hak-Hak Manusia 1789, misalnya tidak pernah wujud dalam pemikiran golongan Kesedaran di Perancis sebelum era revolusi; dan ini dibuktikan melalui *cahiers* 1789; sebaliknya ia adalah hasil ciptaan sebahagian kecil para revolusioner yang berfikiran radikal dan anti-*philosophes*. Menurut Cobban, gagasan kedaulatan rakyat yang diperjuangkan oleh Abbe Sieyes tidak pernah muncul dalam pemikiran tokoh-tokoh Kesedaran seperti Locke dan Rousseau, tetapi ia merupakan satu ciptaan baru yang sesetengahnya amat bertentangan dengan idea Kesedaran, dan sesetengahnya pula diubahsuai daripada pemikiran Kesedaran.<sup>78</sup>

Ramai sarjana yang menganggap pembaharuan-pembaharuan yang dihasilkan selepas revolusi bukanlah timbul daripada sumbangan *philosophés*, tetapi kesan order politik baru zaman revolusi, yang telah mengeksploitasi sebahagian daripada idea-idea Kesedaran mahupun bukan Kesedaran dengan cara mengubah konteks dan maknanya untuk kepentingan pelbagai puak dan parti. Ideologi baru yang dikembangkan daripada idea-idea *philosophés*, *parlement* dan pemerintahan beraja telah digunakan oleh pelbagai aliran politik, daripada konservatif hinggalah radikal, untuk kepentingan mereka sendiri.<sup>79</sup>

Merekalah yang menjadikan sama ada sesuatu penulisan tokoh-tokoh Kesedaran itu berguna atau tidak selepas revolusi. Misalnya idea-idea Rousseau dan Voltaire telah diangkat, sedangkan tulisan Montesquieu dan Boulanvilliers menjadi sampah yang dibuang oleh para revolusioner dan antirevolusi. Berdasarkan hujahan-hujahan di atas, jelaslah bukannya pemikiran Kesedaran yang telah membentuk dan mempengaruhi pencetusan revolusi, sebaliknya revolusilah yang mempengaruhi pencetusan idea-idea

---

<sup>76</sup> Darnton, Robert. *The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France. Past & Present* 51: 81-115. 1971, hlm, 91.

<sup>77</sup> Hunt, Lynn. *Politics, Culture and Class in the French Revolution*. Berkeley: University of California Press, 1984, hlm, 34.

<sup>78</sup> Cobban, Alfred. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape. 1968, hlm, 24-25.

<sup>79</sup> Aulard dalam Far. W Church, *The Influence of the Enlightenment on the French Revolution*. Lexington, Massachusetts: D.C. Heath & Co. 1964, hlm, 49.

baru, termasuklah yang divedok daripada idea Kesedaran sendiri. Jika kita ingin mengaitkan revolusi dengan peranan aliran Kesedaran, maka ia bolehlah dilihat daripada sudut itu.

## Penutup

Perbincangan di atas menjelaskan bukan sahaja prinsip dan pemikiran yang dibawa oleh golongan *philosophés*, tetapi juga peranan dan perkaitannya dengan pencetusan Revolusi Perancis 1789. Walaupun *philosophés* dan aliran Kesedaran sering diperlihatkan sebagai satu aliran yang telah memperjuangkan cita-cita revolusioner dan anti pemerintah, namun hakikat yang berlaku adalah sebaliknya. *Philosophés* dan aliran Kesedaran didapati bukan sahaja berpendirian reaksioner dan propemerintahan regim lama, bahkan tidak menyokong revolusi yang dianggap bertentangan dengan idealisme dan kepentingan-kepentingan sempit mereka.

Dalam konteks pencetusan revolusi 1789, sumbangan atau pengaruh aliran itu adalah amat terhad. Idea-idea yang dikembangkan dalam tulisan-tulisan tokoh Kesedaran bukan sahaja tidak mempunyai asas-asas revolusioner, bahkan didapati tidak meninggalkan kesan yang mendalam dalam mempengaruhi pencetusan Revolusi Perancis. Walau bagaimanapun, peranan dan pengaruhnya itu telah diperbesar-besarkan oleh sesetengah ahli sejarah yang gagal melihat bahawa selain idea-idea Kesedaran, terdapat unsur-unsur lain yang lebih berpengaruh yang telah mengasah dan membentuk pemikiran rakyat Perancis ke arah revolusi.

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa pemikiran aliran Kesedaran dari satu segi telah dieksploitasi oleh pelbagai pihak semasa revolusi, tetapi ia bukanlah merupakan penyebab utama kepada pencetusan Revolusi Perancis. Sumbangannya hanyalah ketara selepas revolusi, iaitu apabila wujudnya keperluan rakyat untuk mengisi apa yang telah pun dicapai dalam revolusi. Tetapi yang mengambil atau menggunakan idea-idea Kesedaran bukanlah golongan pembaharu atau pihak revolusioner sahaja. Golongan konservatif, tradisional, reaksionaris dan semua mereka yang menentang revolusi juga menggunakannya.

Oleh itu, pengaruh aliran Kesedaran tidaklah seluas atau serevolusioner seperti yang sering didakwa. Pengkaji seperti Cobban menjelaskan kita tidaklah boleh terlalu membesar-besarkan peranannya. Kepercayaan umum bahawa terdapat kesedaran terhadap hak-hak demokrasi dalam arus dan gerakan revolusi rakyat adalah memadai. Sebaliknya jika sarjana hanya menekankan pengaruh golongan *philosophés* sahaja sehingga mengesampingkan unsur-unsur ataupun pengaruh lain, maka ini menurut Cobban, telah menjadikan perbincangan tentang asal-usul Revolusi Perancis 1789 itu sebagai satu mitos.

## **Bibliografi.**

- Azmi Arifin. 2000. Bangsa, Pemerintahan Beraja dan Revolusi Perancis 1789. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 7: 44-63.
- Azmi Arifin. 2003. Feudalisme dan Pencetusan Revolusi Perancis 1789. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan* 10: 1-30.
- Baker, Keith M. 1981. Enlightenment and Revolution in France: Old Problems Renewed Approaches. *Journal of Modern History* 53 (2): 281-303.
- Baker, Keith M. 1990. *Inventing the French Revolution: Essays on French Political Culture in the Eighteenth Century*. New York: Cambridge University Press.
- Behrens, C.B.A. 1985. *Society, Government and the Enlightenment: The Experience of Eighteenth Century France and Russia*. New York: Harper and Row.
- Blanning, T.C.W. 1987. *The French Revolution; Aristocrats versus Bourgeois?* London: Macmillan Education.
- Cassirer, Ernst. 1932. Enlightenment. *Encyclopaedia of the Social Sciences* 5: 547-552.
- Chartier, Roger. 1981. Culture, lumieres, doleances: Les cahiers de 1789. *Revue d'histoire modern et contemporaine* 28: 68-93.
- Chartier, Roger. 1990. *The Cultural Origins of the French Revolution*. Terj. Lydia G. Cochrane. Durham and London: Duke University Press, 1991.
- Chissick, Harvey. 1981. *The Limits of Reform in the Enlightenment: Attitudes toward the Education of the Lower Classes in Eighteenth-Century France*. Princeton: Princeton University Press.
- Church, W. Far. 1964. *The Influence of the Enlightenment on the French Revolution*. Lexington, Massachusetts: D.C. Heath & Co.
- Cobban, Alfred. 1968. *Aspects of the French Revolution*. London: Jonathan Cape.
- Cranston, Maurice. 1986. *Philosophers and Pamphleteer*. Oxford, New York: Oxford University Press.
- Darnton, Robert. 1971. The High Enlightenment and the Low-Life of Literature in Pre-Revolutionary France. *Past & Present* 51: 81-115.
- Furet, François. 1978. *Penser la Révolution française*, Paris: Collection Folio/Histoire.
- Hunt, Lynn. 1984. *Politics, Culture and Class in the French Revolution*. Berkeley: University of California Press.
- Kaiser, Thomas E. 1988. This Strange Offspring of Philosophie: Recent historiographical Problems in Relating the Enlightenment to the French Revolution. *French Historical Studies* 15 (3): 549-562.
- Markoff, John. 1990. Peasants Protest: The Claims of Lord, Church and State in the Cahiers de doleances of 1789. *Comparative Study of Society and History* 32: 413-454.
- Markoff, John. 1996. *The Abolition of Feudalism: Peasants, Lords and Legislators in the French Revolution*. Pennsylvania: Pennsylvania University Press.
- McDonald, Joan. 1965. *Rousseau and the French Revolution 1762-1791*. London: The Athlone Press.
- McNeil, Gordon H. 1945. The Cult of Rousseau and the French Revolution, *Journal of the History of Ideas* 8 (2): 197-212.
- McNeil, Gordon H. 1953. The Anti-Revolutionary Rousseau. *American Historical Review* 53 (4): 808-823.

- Mornet, Daniel. 1933. *Les origines intellectuelles de la Révolution française 1715-1787*. Paris: Armand Colin.
- Palmer, Robert R. 1959. *The Age of Democratic Revolution*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Peyre, Henri. 1969. The Influence of Eighteenth Century Ideas on the French Revolution. Dlm *The Shaping of Modern Europe*. London: Collier-Macmillan Press.
- Qasim Ahmad. 1991. Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner. Dlm *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richet, Denis. 1969. Autour des origines ideologiques lointaines de la Révolution française: Elites et despotism. *Annales ESC* 24: 1-23.
- Sole, Jaccques. 1988. *Questions of the French Revolution: A Historical Overview*. (Terj.). New York: Pantheon Books, 1989.
- Sutherland, Donald. 1986. *France 1789-1815: Revolution and Counterrevolution*. Oxford: Oxford University Press.
- Taylor, George V. 1972. Revolutionary and Nonrevolutionary Content in the Cahiers of 1789: An Interim Report. *French Historical Studies* 7: 479-502.
- Tocqueville, Alexis de. 1908. *The Old Regime and the French Revolution* (Terj. Stuart Gilbert). New York: Doubleday Anchor Books, 1955.
- Wade, Ira O. 1971. Some Attempts at Definition. Dlm *The Intellectual Origins of the French Enlightenment*. Princeton: Princeton University Press.
- Wyngaard, Amy S. 2004. *From Savage to Citizen: The Invention of the Peasants in the French Enlightenment*. Newark: University of Delaware Press.